


SOROTAN DARAT



T 3029

DISEMBER 1999

JIL 2 BIL 34



JURNAL TENTERA DARAT MALAYSIA

KANDUNGAN CONTENTS

Dari Meja Editor

Revolusi Teknologi Ketenteraan - Menjurus Ke arah Perancangan Ketenteraan
Mej Ahmad bin Abdul Rahman

The Impact of Information Technology on Defence

Brig Jen Dato' Mohd Zaki bin Hj Wan Mahmood

Management of Malaysian Army Training System at Army Training Establishments
Mej Gurcharan Singh

Armed Forces Academy: Centre of Excellence in Defence Technology, Research and Teaching?

Lt Kol Shohaimi bin Abdullah dan Mej Norazman bin Mohammad Nor

Kuasa Dalam Strategi Perang Vietnam
Mej Che Bakar bin Mohd Arifin

Theories of Warfare: The Legacy of Carl Von Clausewitz

Mej R Anthony Raja Gopal

Pemenang Artikel Jurnal Sorotan Darat Edisi 33

Territorial Disputes in the Region: What Factors Will Determine the Resolution of Territorial Disputes in the Region

Kol Ahmad Rodi bin Zakaria

Indoktrinasi Mental Mengikut Pendekatan Rohaniah dalam Tentera Darat

Mej (Ust) Kamaruddin bin Hj Mamat

Realiti Rejimen Artilleri Di Abad Ke21

Lt Kol Sofian bin Kamaruddin

2

3

17

26

34

45

55

67

68

81

91




16



73



95



Sememangnya ATM masih ketinggalan dalam satu dua aspek khususnya berkaitan pencapaian revolusi teknologi ketenteraan yang menuju ke era 'digital soldiers', namun itu bukan cerminan sebenar kepada keupayaan angkatan tentera negara¹.

*Jen Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin
Panglima Angkatan Tentera*

PENDAHULUAN


orak peperangan masa kini tiada jauh bezanya daripada apa yang dilakukan oleh Napoleon Bonaparte. Napoleon telah menggunakan kekuatan kombinasi sosial, teknologi dan politik mengubah ke arah revolusi teknologi ketenteraan terutama dari segi peranan ketenteraan dan juga corak pertempuran. Dengan kekuatan yang ada beliau telah berjaya menakluki hampir keseluruhan Eropah. Namun dalam era serba moden ini, cabaran yang kita hadapi sama seperti yang dihadapi oleh Napoleon iaitu mengambil kesempatan dalam pertempuran, agar ia memberi kebaikan dan tidak sebaliknya. Suasana anjakan paradigma revolusi yang

REVOLUSI TEKNOLOGI KETENTERAAN- *Menjurus Ke Arah Perancangan Ketenteraan*

Mej Ahmad bin Abdul Rahman

tertumpu kepada kemajuan sosial dan perubahan politik memberi nafas baru kepada organisasi dan teknologi ketenteraan. Perubahan-perubahan ini akan terus mengubah corak peperangan masa hadapan. Revolusi teknologi ketenteraan masa kini berkisar kepada revolusi maklumat, penderia (*sensor*) dan teknologi peperangan iaitu melancarkan serangan dengan cepat, tepat dan amat berkesan.

Secara amnya, revolusi teknologi ketenteraan ini berupaya menjuruskan kita kepada satu kerangka pemikiran bagaimana dan cara mana pertempuran masa depan serta dasar pertahanan sesebuah negara dapat dilaksanakan. Penulisan ini diharap dapat membentangkan bagaimana revolusi teknologi ketenteraan dapat menjana kerangka tersebut yang akan menjurus kepada perancangan ketenteraan.

REVOLUSI TEKNOLOGI TERHADAP KETENTERAAN

Dalam menangani perubahan-perubahan yang semakin pantas, sangat perlu

¹ Aziz Ishak, *Rakyat Tunggang Pertahanan Negara*, Mingguan Malaysia, 12 Sep 99, hal 9.

bagi kita bagi kita mengetahui dan mengkaji akan suasana peperangan dan politik sekeliling masa hadapan. Kajian mendalam terhadap cabaran-cabaran ini akan memberi kita persepsi awal terhadap tunggak kepada revolusi teknologi ketenteraan masa depan. Tunggak-tunggak tersebut ialah Dominasi Maklumat, Sinergi, "Disengaged Combat" dan "Civilianization." Setiap tunggak ini mempunyai hubung kait antara satu dengan lain yang memberi kesan kepada revolusi peperangan masa depan.

Apa yang perlu diperkatakan di sini, adakah revolusi ini akan merupakan revolusi teknologi ketenteraan terhadap pertempuran, persenjataan, doktrin atau penstrukturran? Jawapannya mudah. Teknologi ketenteraan terhadap pertempuran, persenjataan, doktrin atau penstrukturran saling berhubung kait antara satu dengan lain. Corak dan strategi semasa peperangan sentiasa berubah-ubah mengikut peredaran masa. Peperangan konvensional atau pertempuran rapat telah bertukar kepada pertempuran gerila, peperangan pasukan bersenjata tidak tetap, keganasan, konflik "non-state" serta peperangan maklumat. Peperangan masa kini bukan lagi pertempuran secara berdepan di sesuatu medan pertempuran. Pertempuran masa kini melibatkan serangan yang cepat, tepat dan berkesan ke atas sasaran-sasaran awam dan tentera untuk mendapatkan kesan yang tinggi terhadap strategi musuh. Perubahan corak peperangan ini merupakan revolusi yang kedua dalam bentuk persenjataan, doktrin dan juga penstrukturran yang dimiliki. Apabila kedua-dua revolusi tersebut menjadi sehaluan, teknologi peperangan maklumat boleh menukar corak pertempuran. Jika sebaliknya, tentera yang mempunyai pasukan perisikan yang terkini pun akan gagal melaksanakan operasi di dalam peperangan gerila.

"Keselamatan negara
bukan menjadi
tanggungjawab ATM
semata-mata, sebaliknya
ia harus dipikul bersama
oleh segenap lapisan
rakyat dan seluruh
organisasi dengan
menjayakan secara
komponen-komponen
ekonomi, pendidikan
sosial, kestabilan politik,
penguasaan teknologi
dan ketenteraan"

Kerangka perancangan ketenteraan perlu dikaji dengan teliti supaya kekaburuan terhadap revolusi ketenteraan dapat dielakkan. Matlamat perancangan ialah mengenal pasti kedua-dua tahap revolusi serta merancang satu institusi yang dapat mencakupi kedua-duanya sekali. Politik dunia sentiasa berubah; satu perubahan yang boleh membawa kepada persengketaan dan seterusnya kepada peperangan. Peperangan yang menggunakan segala teknologi terkini akan membawa kepada penderitaan dan kemusnahan. Adalah sukar bagi sebuah negara membuat sebarang ramalan terhadap musuh ataupun persengketaan yang akan dihadapi. Martin Van

Crewel dalam analisisnya menyatakan bahawa peperangan masa depan boleh dirangkum kepada hanya satu cara peperangan sahaja. John Muellar pula menyatakan bahawa peperangan secara besar-besaran adalah mustahil kerana faktor-faktor kebudayaan dan dunia kini telah menuju ke arah era geo-ekonomi. Keadaan dan suasana perhubungan antarabangsa serta corak peperangan masa kini amat menyukarkan para perancang ketenteraan untuk membuat perancangan terhadap doktrin, kekuatan, struktur, organisasi, peralatan dan persenjataan yang dapat memberi keupayaan kepada ketenteraan dalam setiap

corak peperangan. Tunggak-tunggak yang dibentangkan kelak akan cuba memberi garis panduan kepada kerangka perancangan ketenteraan.

TUNGGAK-TUNGGAK REVOLUSI TEKNOLOGI KETENTERAAN

Revolusi teknologi terutamanya terhadap peralatan dan persenjataan telah memberi kesan yang besar kepada ketenteraan. Secara keseluruhan evolusi revolusi ini akan

membawa kesan yang lebih besar jika revolusi ketenteraan dapat disatukan dengan revolusi pertempuran, persenjataan, doktrin atau penstrukturran. Revolusi teknologi ketenteraan ini adalah diasaskan kepada tunggak-tunggak berikut yang akan menjurus kepada kerangka perancangan ketenteraan.

DOMINASI MAKLUMAT

Maklumat merupakan faktor utama yang menentukan hala tuju strategi dan keputusan peperangan masa kini. Dalam era revolusi teknologi maklumat masa kini, maklumat dapat disalurkan dengan cepat, tepat dan berkesan kepada semua pasukan. Sesuatu misi itu sesungguhnya tidak akan berkesan sepenuhnya tanpa maklumat. Mengetahui lokasi musuh dengan tepat misalnya, adalah asas kepada sebarang perancangan dan tindakan ketenteraan terutama dengan adanya teknologi peluru yang dapat diarahkan ke sasaran dengan tepat. Peperangan masa kini semakin canggih dengan persenjataan dan peralatan yang berteknologi tinggi, penyaluran dan penerimaan maklumat terkini mudah diperolehi serta dengan darjah keselamatan yang tinggi, disamping wujudnya suasana serta sistem pemerintahan dan kawalan yang bersistematis. Untuk mencapai tahap ketenteraan yang sedemikian, tentera haruslah bersikap '**dominasi maklumat**' iaitu sentiasa mendapatkan maklumat kepada pasukan sahabat dan mengelakkannya daripada pihak musuh.

Maka bagi melaksanakan peperangan dalam era teknologi maklumat, perkara utama yang diperlukan ialah mewujudkan doktrin untuk '**peperangan maklumat**'. Kita mestilah mempunyai kefahaman yang tinggi bagaimana caranya maklumat dapat digunakan dalam peperangan dan bagaimana pula cara pengendaliannya yang paling berkesan. Doktrin ini perlulah menitik beratkan kepada strategi mendapat dan menyalurkan maklumat kepada pasukan sahabat dan mengelakkannya daripada jatuh pihak musuh.

Doktrin tersebut juga mestilah menekankan kepada perancangan untuk mengatasi, memintas serta membolosi ke dalam sistem maklumat tertinggi musuh seperti mana yang dilakukan dengan jayanya oleh tentera Amerika Syarikat semasa Peperangan Teluk. Namun begitu dominasi maklumat sebenarnya bukanlah hanya ditumpukan terhadap pasukan tentera sahaja; ia melibatkan beberapa sektor lain kerana seperti kata-kata Clausewitz, '*peperangan kini melibatkan operasi meluas dan serentak terhadap sasaran-sasaran tentera dan awam.*'²

Bagi memenuhi keperluan-keperluan di atas, doktrin peperangan maklumat hendaklah berupaya menangani beberapa isu seperti berikut:

* **Sistem Hierarki.** Sektor awam dalam mengamalkan '*Pengurusan Kualiti Menyeluruh*' (TQM) telah mengenal pasti akan saluran pemerintahan dengan melepaskan saluran-saluran yang tidak memberi kesan agar segala keputusan dapat dibuat dengan lancar. Sistem tersebut diakui amat berkesan jika diperaktikkan dalam organisasi tentera. Dengan "*powering down*" iaitu memberi kuasa yang terhad kepada setiap saluran pemerintahan, banyak masalah dapat diselesaikan dan dengan ini segala strategi dan misi dapat berjalan lebih lancar. Sistem hierarki juga amat berkesan terhadap pemerintahan dan kawalan. Kelancaran sistem maklumat membolehkan keputusan yang penting diperolehi dengan cepat dari pemerintahan formasi atasan.

* **Perisikan.** Maklumat tentang tujuan strategik atau kedudukan musuh lazimnya diperolehi oleh unit perisikan. Maklumat tersebut dikaji dan dianalisis sebelum dihantar semula ke unit-unit tempur hadapan. Semua ini akan

² Parkinson Roger, *Clausewitz, a Biography*, Wayland Publisher, London 1970, hal 127.

memakan masa yang lama dan kadangkala kesahihannya diragui. Contohnya seperti apa yang berlaku kepada Iraq ketika Peperangan Teluk. Prosesnya sahaja ada yang memakan masa sehingga 48 jam. Tentera masa kini memerlukan maklumat musuh yang paling terkini dan terbaru. Maklumat-maklumat ini akan dianalisis secara bersepada dan disalurkan kepada pasukan dengan seberapa segera berdasarkan strategi dan misi peperangan. Pegawai perisikan akan berperanan dengan lebih bersepada dalam peperangan yang berteknologi tinggi.

* **Media.** Doktrin peperangan maklumat akan berhadapan dengan isu-isu yang berkaitan dengan demokrasi dan kebebasan media. Era revolusi teknologi maklumat kini sedang membangun dengan pesat di bahagian tersebut. Stesen televisyen kelak akan mempunyai satelit sendiri dan pemberita-pemberita dengan kamera mudah alih mereka yang canggih bergerak di kawasan pertempuran untuk mencari berita. Kerajaan akan terpaksa mencari jalan untuk mengatasinya. Agensi ketenteraan yang paling ideal menangani perkara yang sedemikian adalah Bahagian Perhubungan Raya.

* **Perbezaan Doktrin.** Peperangan pasukan bersenjata tidak tetap memerlukan doktrin peperangan maklumat yang berbeza. Walau bagaimanapun pengawalan maklumat dalam peperangan gerila atau konflik intensiti rendah adalah sama penting dengan peperangan intensiti tinggi. Peperangan gerila pada asasnya adalah peperangan maklumat; di mana pemerolehan terhadap maklumat musuh dan kawalan terhadap polemik politik amat penting. Peperangan maklumat dalam persengketaan bukan konvensional bergantung kepada anggota perisikan, pasukan khusus dan penderia yang dapat mengesan kumpulan

gerila; berlainan sekali cara mendapatkan maklumat dalam peperangan konvensional.

* **Risiko.** Walaupun banyak perkara positif yang diperolehi dalam era teknologi maklumat, doktrin tersebut perlu juga mengambil kira perkara-perkara yang mempunyai risiko. Dengan pengumpulan maklumat yang terlampau banyak, kajian, analisis dan keputusan yang diperolehi ada kalanya akan melumpuhkan sistem komputer. Dalam Peperangan Teluk, tentera Amerika Syarikat telah mula kecoh dengan maklumat yang sama ada fakta atau perintahnya yang mengeliru dan mengecewakan. Dalam hal yang sedemikian fleksibiliti yang memberi kebebasan inisiatif kepada pemerintah sukar untuk dipraktikkan. Clausewitz berpendapat bahawa keadaan yang sedemikian adalah membahayakan. "*Things go wrong in war. Plans go awry, units fail to complete their assigned missions, commanders become confused*"³.

Perkara sedemikian boleh terjadi disebabkan oleh kecanggihan teknologi peralatan yang digunakan untuk membantu peperangan maklumat. Penggunaan satelit, komputer dan peralatan-peralatan lain yang sealiran dengannya adalah amat sensitif dan boleh dilumpuhkan oleh "hackers" dengan memasukkan virus elektronik. Alvin dan Heidi Toffler menyatakan bahawa "*pihak tentera masih belum dapat memonopoli teknologi komputer*"⁴. Pihak tentera haruslah menerima risiko ini dan mengambil tindak balas terhadap "*pendedahan maklumat*" yang sentiasa dilakukan oleh musuh melalui senjata anti-satelit, denyut elektro magnetik dan taktik gerila.

³ Parkinson Roger, Clausewitz, hal 135

⁴ Alvin and Heidi Toffler, War and Anti War, hal 149.

SINERGI

Sinergi merupakan keupayaan terhadap Perkhidmatan-Perkhidmatan, cawangan mahu pun senjata untuk berperang bersama-sama dengan berkesan; mengawal dan merangkum segala kebolehan bersama agar memberikan kesan yang lebih mendalam terhadap kebolehan sebenar individu. Keberkesanan revolusi teknologi ketenteraan akan teruji jika semua senjata yang digabungkan memberi kesan yang tinggi. Kecanggihan teknologi telah membuatkan sinergi satu kesan yang utama dalam revolusi teknologi ketenteraan.

Dengan kecanggihan peralatan dan persenjataan masa kini, kerjasama antara Perkhidmatan-Perkhidmatan merupakan kunci kejayaan. Kecanggihan dan ketepatan persenjataan misil berpandu tidak akan berguna tanpa data sasaran. Kapal terbang pengebom "Stealth" tidak akan setimpal dengan harganya jika bom yang digugurkan tidak menepati sasaran. Keupayaan pasukan untuk bergerak sepantas kilat sekalipun sama ada di daratan maupun di udara tidak dapat dipergunakan jika pusat sistem pemerintahan dan kawalan tidak dapat menangani kecanggihan tersebut. Sinergi mempunyai hubung kait dengan revolusi maklumat. Komunikasi pula adalah perhubungan sinergi di mana semua Perkhidmatan dapat bekerjasama sebagai satu unit. Sistem pemerintahan dan kawalan antara Perkhidmatan dapat meningkatkan lagi sinergi serta kesan teknologi peralatan dan persenjataan.

Konsep sinergi juga terdapat pada sifat-sifat pertempuran pasukan bersenjata tidak tetap. Peperangan tidak konvensional membabitkan kombinasi politik, ekonomi dan strategi elemen ketenteraan. Seperti mana yang terjadi di Vietnam, Sudan dan Somalia strategi ketenteraan sahaja tidak berupaya memenangi peperangan gerila tanpa wujudnya kombinasi-kombinasi lain seperti politik dan ekonomi.

"Peperangan boleh dimenangi tanpa pertempuran di medan peperangan. Taktik pergerakan, tipu muslihat dan serangan jarak jauh akan menjadi pilihan pemerintah ketenteraan daripada menyerang besar-besaran secara berhadapan"

Berdasarkan fakta-fakta di atas, tunggak sinergi memberi kesan yang men- dalam kepada perkara-perkara berikut:

* **K e b e r s a m a a n (*Jointness*)**. Sinergi akan meningkatkan persefahaman dan kerjasama keseluruhannya. Tentera perlu meningkatkan lagi tugas, institusi, latihan dan perbincangan bersama. Keperluan doktrin bersama dalam menghadapi evolusi amat diperlukan. Dengan kebolehan daya ubah tim kombat, semua Perkhidmatan merangkumi Darat, Laut dan Udara akan lebih bersatu pada masa hadapan. Latihan bersama

pada masa hadapan perlu diadakan selalu. Penubuhan markas pemerintahan tertinggi yang terdiri daripada Darat, Laut dan Udara akan dapat melaksanakan operasi dan latihan bersama secara berterusan.

* **Kerjasama Awam**. Apabila menjalankan tugas Pengaman Bangsa-Bangsa Bersatu atau tindak balas pemberontakan, sinergi antara politik, ekonomi, sosial dan faktor ketenteraan amat diperlukan. Koordinasi antara tentera dan negara, organisasi bantuan nasional, penganalisan politik dan kepakaran diperlukan. Latihan berterusan atau hubungan diadakan dengan organisasi lain perlu agar sinergi dapat diterapkan kepada semua anggota terutama dalam peperangan pasukan bersenjata tidak tetap.

Perancangan terhadap sinergi mestilah sealiran dengan pemerolehan tetapi tidak seharusnya pula kedua-duanya sama. Namun begitu semua Perkhidmatan mestilah bekerjasama dalam satu projek di bawah arahan pemerintahan program bersama yang sasaran utamanya ialah integrasi pemerintahan, kawalan dan sistem komunikasi.

"DISENGAGED COMBAT"

Pertempuran masa hadapan dilihat sebagai "*disengaged combat*" kerana operasi-operasi dilancarkan dari lokasi yang jauh dari kedudukan musuh. Pertempuran sedemikian akan mengakibatkan implikasi terhadap struktur dan teknologi ketenteraan. Kebanyakan negara masih lagi mempraktikkan strategi pertempuran secara rapat yang mana tentera akan menghadapi tembakan langsung musuh dan mempunyai risiko kecederaan yang amat tinggi. Sejarah-sejarah pertempuran sedemikian telah banyak kita pelajari dari negara-negara yang agresif seperti Korea Utara, Iraq, Iran dan banyak lagi, yang mana strategi serangan mengharapkan ketumbukan armor dan artileri beroperasi secara berdepan atau rapat dengan menggunakan tembakan secara langsung dan tidak langsung bertujuan untuk melemahkan musuh.

Senjata-senjata nuklear dan kimia yang ditembak dari senjata artileri dan kapal terbang pejuang mempunyai radius membunuh yang amat luas dan ini memberi satu 'mimpi ngeri' dalam pertempuran-pertempuran secara berdepan atau rapat. Dalam perperangan yang berintensiti tinggi di kalangan negara-negara yang berteknologi tinggi, pertempuran secara rapat akan menjadi begitu hebat. Revolusi teknologi peralatan dan persenjataan ketenteraan kini memudahkan untuk mengenal pasti kedudukan musuh dan memusnahkannya, seperti di Peperangan Teluk. Dalam pertempuran cara rapat ini, terdapat implikasi perperangan terutama kepada pemerintah kerana pasukan-pasukan yang dalam keadaan tertekan akibat serangan, sukar diatur gerak; kekeliruan akan berlaku, sistem komunikasi diganggu dan perintah-perintah sukar dipatuhi. Hal-hal sedemikian sukar berlaku dalam "*disengaged combat*". Oleh kerana faktor-faktor inilah, Amerika dilihat telah memilih strategi "*disengaged combat*" dalam Peperangan Teluk dan di Kosovo.

Tunggak '*disengaged combat*' ini telah membawa kepada kesan-kesan berikut yang akan dihadapi dalam era revolusi teknologi ketenteraan:

* **Mengurangkan Kasualti Di Pihak Sendiri.** Politik memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju serta strategi perperangan yang mana seboleh-bolehnya mengelakkan pertempuran cara rapat. Dalam era satelit dan media elektronik yang canggih, pemerintah tentera perlu mengelakkan kasualti di pihak sendiri. Amerika Syarikat bagaikan telah meletakkan satu standard terhadap setiap misi mereka iaitu mengurangkan kasualti di pihak mereka seperti berlaku di Peperangan Teluk. Strategi sedemikian telah memberi kelebihan untuk mereka bertindak seterusnya, satu kesan yang mendalam melalui "*disengaged combat*".

* **Sasaran Dimusnahkan Dari Jarak Jauh.** Dengan segala kecanggihan peralatan dan persenjataan, "*disengaged combat*" akan menjadi norma perperangan masa depan. Kelebihan dalam teknologi penderia dan persenjataan serta kedudukan markas pemerintahan dan kawalan yang jauh dari senjata efektif musuh, Amerika Syarikat telah berjaya menyebabkan kasualti yang tinggi kepada pihak lawannya. Dalam Peperangan Teluk misalnya, kereta-kereta kebal dan helikopter Apache Amerika Syarikat yang berada pada jarak lebih daripada 3,000 meter dilihat memusnahkan kereta kebal Iraq dengan sewenang-wenangnya. Kapal terbangnya pula yang terbang setinggi 10,000 kaki, di luar dari jarak keberkesanan meriam penangkis kapal terbang, telah mengebom dengan tepat dan berkesan ke atas sasaran-sasaran di Iraq. Admiral David Jeremiah menyatakan bahawa "*dengan kelebihan jarak persenjataan, ketepatan sasaran serta integrasi yang kukuh maklumat perisikan semasa, sasaran senjata masa depan dapat memusnahkan dari jarak yang jauh*". Beliau tidak menolak bahawa "*perperangan hanya dimenangi apabila kawasan dikuasai secara fizikal oleh*

tentera, tetapi tidak semestinya tentera mendekati musuh untuk memusnahkannya”⁵.

Dalam serangan Amerika Syarikat ke atas Yugoslavia pula, strategi “*disengaged combat*” dipraktikkan sepenuhnya. Medan pertempuran terletak jauh dari markas pemerintahan dan kawalan mereka. Kapal-kapal perangnya melancarkan serangan udara dan misil ke sasaran. Manakala kapal terbang pengebomnya beroperasi dari pangkalan udara negara-negara sahabat dan jauh dari negara sendiri. Sasaran-sasaran strategik mereka ialah markas pemerintahan dan kawalan, pusat komunikasi dan tenaga elektrik dan peralatan kemudahan pengangkutan musuh.

Secara taktikal, musuh diserang tanpa meletakkan kekuatan tentera sendiri dalam jangkauan tembakan musuh. Dengan ketepatan, kepantasan dan keberkesanan persenjataan serta jauh dari jangkauan senjata musuh, sasaran-sasaran yang mempunyai jangkauan jauh seperti kapal terbang dan misil akan dimusnahkan dahulu, diikuti dengan sasaran artileri, unit mekanis dan seterusnya pasukan kombat infantri. Setelah segala keupayaan musuh dimusnahkan, barulah tindakan serangan tentera darat dilakukan.

*** Industri Persenjataan dan Peralatan.** Doktrin terhadap “*disengaged combat*” akan menentukan serta menetapkan jenis-jenis persenjataan yang akan digunakan kelak. Berdasarkan dari pertempuran-pertempuran masa kini, peralatan dan persenjataan jarak jauh telah digunakan dengan meluas. Implikasinya di sini ialah industri-industri peralatan dan persenjataan akan berkurangan. Ketepatan dan keberkesanan adalah kriteria yang utama mengurangkan angka kecederaan dan kematian dalam peperangan.

*** Mudah Alih dan Mudah Gerak.** Dalam Peperangan Vietnam ada dikatakan “*no such thing as a front line*”⁶. Pertempuran secara rapat akan lebih memberi kesan kepada kedua-dua pihak. Pelaksanaan atur gerak angkatan tentera yang besar akan memberi risiko yang tinggi kerana status pemerintahan yang berasingan serta kedudukan pasukan yang berbeza. Angkatan tentera memerlukan peralatan dan persenjataan yang mudah alih, mudah dan pantas digerakkan, sukar dikesan seperti Pasukan Udara Tentera Darat dan pasukan mekanis. Keadaan dan kedudukan atur gerak sebegini akan mengaburkan mata musuh sama ada secara berhadapan ataupun menyusup dari belakang.

*** Serangan Terhadap Satu Titik Sasaran.** Revolusi teknologi ketenteraan dalam “*disengaged combat*” akan mengubah formasi serangan secara besar-besaran kepada satu titik sasaran. Formasi serangan masa kini adalah kombinasi kepantasan, ketepatan dan keberkesanan persenjataan jarak jauh dan sistem pemerintahan dan kawalan yang canggih supaya memberi keupayaan kepada semua pasukan yang berada di lokasi yang berbeza menumpukan serangan dan tembakan ke arah satu-satu sasaran. Pasukan artileri dan misil yang berada berpuluhan-puluhan batu antara satu sama lain, pasukan khusus jauh dari medan pertempuran, kapal perang pula berada jauh di lautan dan kapal terbang pejuang dan pengebom yang datang dari beribu-ribu batu jauhnya, semuanya mempunyai misi dan sasaran yang sama. Semua pasukan ini digabungkan dalam satu serangan ke atas satu sasaran dengan tepat dan berkesan seperti sasaran-sasaran divisyen kereta

⁵ Martin Van Grewel, *The Transformation of War*, The Free Press, New York, 1991, hal 47.

⁶ Micheal J. Mazarr, *The Revolution of Military Affair*, April 1991, hal 19.

kebal, instalasi serta markas pemerintahan dan kawalan musuh.

* **Kerjasama.** Pengimplementasian strategi "*disengaged combat*" untuk peperangan konvensional memerlukan doktrin yang menyeluruh. Anggota tentera perlu dididik dan dilatih supaya memahami keperluan "*disengaged combat*" terutama dalam latihan-latihan bersama yang menggunakan peralatan dan persenjataan canggih. Sinergi amat penting kerana kerjasama yang efisien antara angkatan Darat, Laut dan Udara menjadi tunggak agar "*disengaged combat*" dapat diperaktikkan. "*Disengaged combat*" memerlukan peralatan dan persenjataan yang memberi keutamaan kepada keberkesanan seperti penderia jarak jauh, peluru jarak jauh, peralatan yang dapat memberi ketepatan ke sasaran; dan secara keseluruhannya peralatan dan persenjataan yang dapat mengesan dan memusnahkan musuh dari jarak yang jauh.

* **Peralatan Dan Kenderaan Ringan.** Pembangunan teknologi peperangan telah juga membawa perubahan kepada reka bentuk kenderaan pengangkutan darat, kapal pengangkutan besar serta kapal terbang. Kenderaan pengangkutan persenjataan perlu dikecilkan supaya mudah diatur gerakkan di samping mempunyai keupayaan yang setanding atau lebih daripada kenderaan-kenderaan yang lebih besar. Dalam perancangan strategik dan taktikal "*disengaged combat*", pasukan darat, laut dan udara mestilah mempunyai keupayaan untuk diatur gerakkan dalam sekilip mata. Robot dan kenderaan tanpa pemandu dicipta untuk menggantikan manusia dalam pertempuran-pertempuran di kawasan berdekatan dengan musuh. Dengan demikian, strategi "*disengaged combat*" dapat dilaksanakan dengan anggota tentera berada jauh dari kawasan musuh. Seterusnya struktur

dan organisasinya hendaklah berinovasi di mana kepentasan dan mudah gerak diutamakan seperti pasukan yang berasaskan "*middle weight*"⁷, terdiri daripada pasukan armor dan mekanis dan mengutamakan kekuatan briged yang serba boleh sebagai pasukan kombat asas kepada Tentera Darat.

* **Pasukan Khusus.** Pasukan khusus dapat memainkan peranan yang penting di dalam strategi "*disengaged combat*". Pasukan khusus boleh diatur gerakkan di kawasan-kawasan "*no man's land*" ataupun menyusup ke belakang kedudukan musuh, mengarahkan panggilan tembakan serta melakukan serbuan ke atas kedudukan musuh. Di tahap strategi pula, pasukan khusus ini dikhaskan untuk memusnahkan pusat atau markas tentera, instalasi, depot dan lain-lain.

"CIVILIANISATION"

Tunggak terakhir dalam revolusi teknologi ketenteraan adalah "*civilianisation*" di mana peperangan di masa hadapan akan melibatkan teknologi awam. Kecanggihan teknologi ketenteraan dalam melaksanakan pertempuran, kekuatan struktur organisasi, industri pertahanan akan diambil alih oleh teknologi awam yang lebih berkeupayaan dan canggih. Panglima Angkatan Tentera Malaysia menyatakan bahawa "*keselamatan negara bukan menjadi tanggungjawab ATM semata-mata, sebaliknya ia harus dipikul bersama oleh segenap lapisan rakyat dan seluruh organisasi dengan menjayakan secara seimbang komponen-komponen ekonomi, pendidikan sosial, kestabilan politik, penguasaan teknologi dan ketenteraan*"⁸.

Dalam peperangan pasukan bersenjata tidak tetap, faktor-faktor utama untuk

⁷ Micheal J. Mazarr, *Ibid*, hal 21.

⁸ Aziz Ishak, *Rakyat Tunggak Pertahanan Negara*, Mingguan Malaysia, 12 Sep 99, hal 19.

operasi tindak balas pemberontakan dan operasi keamanan merupakan peranan orang awam bagi menangani masalah sosial, politik dan ekonomi. Kegagalan Amerika Syarikat di Vietnam adalah kerana mereka menganggap perang di Vietnam adalah perang tentera sahaja. Terdapat banyak persengketaan masa kini berpunca dari faktor-faktor bukan ketenteraan dan ini diperkuatkan lagi oleh faktor keadaan sekeliling serta persengketaan-persengketaan tanpa atau kurang penglibatan tentera.

Seterusnya tuggak ‘civilianisation’ akan lebih memberi kesan dan kejelasan kepada perancangan bersama dengan kecanggihan teknologi awam:

*** Kecanggihan Teknologi Awam.** Kerancakan pembangunan teknologi terhadap peralatan sesuai akan membuatkan sistem komputer, enjin, optik dan sistem-sistem awam yang lain mengatasi keupayaan dan kebolehan sistem peralatan dan persenjataan ketenteraan. Produk peralatan awam juga didapati lebih murah. Industri-industri awam telah mula mengambil kesempatan dengan mengadakan peralatan dengan teknologi yang dapat digunakan dalam ketenteraan.

Apabila fokus utama perang ialah memusnahkan musuh, maka persenjataan dan peralatan sesuai telah direka untuk kegunaan tentera bagi tujuan tersebut. Teknologi persenjataan dan peralatan dengan sendirinya berkembang. Tetapi kini keadaan adalah berbeza, sub-struktur perang yang berasaskan dominasi maklumat memberikan keutamaan

kepada peralatan-peralatan seperti sistem komputer, komunikasi, satelit dan penderia. Perang masa hadapan yang berasaskan perang maklumat dengan segala peralatan dan persenjataan yang dibuat akan berlandaskan teknologi awam. Alvin dan Heidi Toffler di dalam buku “*War and Anti-War*”, menyatakan “apabila peralatan dan persenjataan perang bukan lagi kereta kebal dan artileri, virus komputer, robot mikroskop dan kuman yang mengaburkan pandangan akan digunakan disebaliknya, maka era ketenteraan dan “nation state” akan kehilangan kekuatannya”⁹.

* **“Citizen Soldier”.** Selain daripada tentera sebagai benteng pertahanan negara, anggota-anggota simpanan ialah “citizen soldier” juga berperanan bagi menghadapi cabaran dan ancaman negara. Pengelilan struktur kekuatan anggota tentera memberi ruang kepada “citizen soldier” ini terlibat dengan konsep pertahanan awam¹⁰. Konsep pertahanan awam ini akan diperkuatkan lagi dengan kebolehan dan kecekapan di bidang teknologi oleh anggota awam. Penceroboh komputer dapat menghuru-harakan pasaran saham musuh dengan virus; pakar dalam komputer juga dapat memprogramkan semula mesin mikro atau mesin nano untuk menyerang dan memusnahkan komunikasi radio musuh; operator satelit pula memberi perisikan terhadap pergerakan musuh dan juga menyekat komunikasi radio musuh. Kemungkinan pada masa hadapan, pakar komputer awam dapat melaksanakan segala tindak balas ancaman musuh yang merbahaya hanya melalui terminal komputer.

“Peperang hanya dimenangi apabila kawasan dikuasai secara fizikal oleh tentera, tetapi tidak semestinya tentera mendekati musuh untuk memusnahkannya”.

⁹ Alvin and Heidi Toffler, *Ibid*, hal 152.

¹⁰ Micheal J. Mazarr, *Ibid*, hal 24.

* **Senjata "Non-lethal".** Peperangan masa hadapan juga akan menyaksikan kemalangan jiwa sama ada tentera mahupun awam dan kemasuhan harta benda berkurangan. Teknologi-teknologi yang berupaya merosak atau memusnahkan peralatan dan persenjataan musuh diklasifikasikan sebagai "*non-lethal weapon*"¹¹. Generator gelombang mikro yang berkebolehan melemahkan keupayaan terup musuh, pancaran laser yang dapat membutakan sementara pandangan musuh, gel yang licin dapat mengelakkan musuh daripada menggunakan jalan raya atau jambatan serta keseluruhan peralatan peperangan elektronik dapat membantu tentera melaksanakan operasi-operasi yang berkemungkinan tanpa kehilangan sebarang nyawa. Teknologi ini juga mampu menawan lokasi-lokasi strategik musuh seperti pusat pemerintahan dan kawalan serta mengucar-ngacirkan musuh di medan perang tanpa sebarang tembakan dilakukan.

Teknologi-teknologi yang sedemikian walaupun ada, namun peperangan terkini masih lagi menggunakan senjata untuk memusnah. Di abad ini peperangan menggunakan senjata "*non-lethal*" belum lagi dilaksanakan. Selagi pihak musuh masih lagi menggunakan senjata menembak ke arah kita, selagi itu lah senjata juga digunakan untuk bertindak balas. Peperangan masa kini masih lagi menggunakan persenjataan "*lethal*".

Namun begitu taktik, peralatan dan persenjataan "*non-lethal*" dilihat akan boleh digunakan pada masa hadapan. Ini berdasarkan perkara-perkara berikut:

* **Media.** Media memainkan peranan yang penting dalam menentu-

kan kestabilan sebuah negara dan juga hala tuju strategi peperangan. Berita-berita dari media akan memberi kesan yang mendalam kepada rakyat jika kemasuhan dan kerosakan di medan perang disiarkan. Kerajaan juga pasti tidak mahu perkara ini berlaku seperti mana terjadi dalam Peperangan Teluk. "*Highway of Death*" melibatkan ribuan tentera Iraq terkorban. Media juga dapat memberi kesan terhadap persenjataan "*non-lethal*" yang mana keberkesanannya akan meluaskan lagi kebebasan tentera untuk melaksanakan tugas.

* **Kebolehan Dan Keupayaan "Non-lethal".** Kebolehan dan keupayaan "*non-lethal*" tidak dapat dipertikaikan lagi terutama dalam peperangan pasukan bersenjata tidak tetap. Kecanggihan peralatan deria serta sistem pemerintahan dan kawalan akan memberi kesan revolusi yang sebenar terhadap taktik misi keamanan dan tindak balas pemberontakan. Kumpulan-kumpulan demonstrasi dapat dilemahkan tanpa dicederakan. Minyak gris yang licin dapat mengelakkan musuh menggunakan jalan raya dan jalan keretaapi tanpa menggugurkan bom ke atas mereka. Pancaran laser dapat membutakan sementara pandangan pengganas waktu malam. Rangkaian radio dan komputer musuh dapat dimusnahkan dengan merosakkan sasaran elektromagnet mereka¹².

RUMUSAN

Fakta-fakta di atas semuanya menjuruskan kita bahawa revolusi teknologi dalam perancangan ketenteraan berdiri di atas tuggak-tuggak tertentu iaitu dominasi maklumat, sinergi, "*disengaged combat*" dan "*civilianization*". Setiap tuggak mempunyai implikasinya sendiri. Apa yang menarik

¹¹ Micheal J. Mazarr, *Ibid*, hal 26.

¹² *Ibid*. hal 26.

terhadap semua tuggak tersebut ialah hubung kait antara satu sama lain yang seakan-akan "puzzle"; saling bantu membantu antara satu sama lainnya. Tuggak dominasi maklumat memberi ruang kegunaan sinergi yang akan melibatkan dasar pertahanan awam. "*Disengaged combat*" pula bergantung kepada ketepatan dan maklumat sasaran yang terkini untuk mencapai kejayaan dan dilaksanakan oleh anggota awam dan melalui penggunaan peralatan "*non-lethal*". Untuk mencapai kejayaan sepenuhnya, setiap tuggak hendaklah diguna dan dihubungkaitkan antara satu sama lain. Walaupun semua tuggak tersebut boleh digunakan kepada peperangan konvensional dan tidak konvensional, namun tidak semua kesan dapat digunakan pada kedua-dua peperangan dengan mengutamakan prinsip-prinsip yang sama. Isu-isu tersebut memerlukan dua doktrin yang berbeza bagi menghadapi kedua-dua bentuk peperangan tersebut.

Dominasi maklumat dalam peperangan konvensional berbeza daripada peperangan gerila walaupun menggunakan prinsip yang sama. Strategi dan perancangan "*disengaged combat*" tidak boleh dilakukan dalam peperangan gerila, oleh yang demikian "*sifat-sifat keperwiraan*" iaitu kekuatan, keberanian dan kerelaan berkorban untuk negara, akan terus menjadi keutamaan dalam peperangan pasukan bersenjata tidak tetap.

Apakah revolusi teknologi ketenteraan akan menukar corak asas peperangan? Clausewitz dan Jermies menyatakan bahawa "*model peperangan adalah dengan mengatur gerakan kekuatan bala tentera yang besar di kedudukan musuh yang kritikal dan menyerang ke arah pusat graviti musuh*"¹³. Ada yang menyatakan bahawa era revolusi teknologi ketenteraan akan membuktikan ketidak benaran model peperangan tersebut; kekuatan tentera akan diperkecilkan, kedudukan musuh tidak lagi ditembak secara langsung, pasukan tentera tidak lagi bertempur secara fizikal. Ada pula yang berpendapat bahawa kedua-dua konsep di atas boleh digunakan tetapi caranya

sahaja berbeza. Satu pasukan akan menyerang dengan tembakan besar-besaran dan satu pasukan lagi akan menyerang pusat graviti musuh. Sun Tzu berpendapat bahawa "*peperangan boleh dimenangi tanpa pertempuran di medan peperangan. Taktik pergerakan, tipu muslihat dan serangan jarak jauh akan menjadi pilihan pemerintah ketenteraan daripada menyerang besar-besaran secara berhadapan.*"

Menghadapi peperangan pasukan bersenjata tidak tetap mestilah berdasarkan faktor-faktor politik awam dan sosio-ekonomi. Dalam hal ini, strategi yang baik ialah dengan menyatukan tenaga keupayaan serta kebolehan sinergi dan awam selain daripada elemen politik, militeri dan ekonomi. Perkembangan yang sedemikian menyebabkan seolah-olahnya revolusi teknologi ketenteraan telah memberi gambaran yang kurang jelas tentang peperangan. Persefahaman dan hubungan baik antara teknologi ketenteraan dan awam dan usaha antara strategik dan operasi taktikal, antara peperangan konvensional dan tidak konvensional, antara peperangan dan penguasaan, semuanya kini telah berpecah; tiada persefahaman. Persoalan apakah peperangan tersebut menggambarkan era baru peperangan.

Berdasarkan fakta-fakta yang dibincangkan di atas, revolusi teknologi ketenteraan akan membawa ke satu era peperangan medan. Beberapa pengajaran dan pelajaran dapat dicungkil dan dianalisis daripada perbincangan di atas:

- * **Kualiti Anggota Tentera.** Suasana peperangan masa depan memerlukan setiap anggota tentera mempunyai kepintaran yang tinggi, cukup tertib, mempunyai peralatan secukupnya, bermoral tinggi serta berpengalaman luas. Kualiti anggota tentera yang sedemikian amat diperlukan dalam peperangan konvensional, dalam keadaan peperangan yang semakin pantas dan kompleks dan peperangan pasukan bersenjata tidak tetap; peperangan-peperangan yang memerlukan

¹³ Parkinson Roger, *Ibid*, hal 149.

keunikan kebolehan anggota dan lebih sensitif terhadap sosioekonomi. Dengan mempunyai anggota tentera yang berkualiti tinggi, kesilapan akan dapat dikurangkan.

Perancangan untuk pengambilan anggota baru, melatih dan mengekalkan kualiti yang tinggi di kalangan anggota di setiap Perkhidmatan mesti dijadikan agenda utama dan keutamaan di masa hadapan. Hal-hal kebijakan anggota hendaklah diambil berat oleh pihak atasan; mengadakan latihan pada masa aman secara intensif dan realistik, mengadakan kemudahan simulasi dan kelengkapan-kelengkapan lain yang berteknologi tinggi dan sedaya upaya mengadakan peralatan secukupnya untuk menyaingi peralatan dan sistem moden.

* **Pembaharuan Pemerolehan (*Acquisition Reform*)**. Sistem peralatan dan persenjataan masa kini sukar untuk menandingi teknologi serta kehendak-kehendak peperangan masa depan. Teknologi ketenteraan kini tertinggal jauh di belakang teknologi awam; peperangan masa depan akan berdasarkan teknologi maklumat awam dan ini akan memberi petanda yang kurang menyenangkan kepada pihak tentera. Jika kita mempunyai perisian untuk mencegah virus komputer yang tiga ke empat tahun terkebelakang daripada virus yang dipunyai penceroboh komputer musuh, strategi kita akan mudah terdedah.

Bagi menghadapi masalah sedemikian, negara perlu diperbaharui sistem pemerolehan dengan mengubahsuaikan peralatan canggih awam agar menepati keperluan ketenteraan. Dalam jangka masa panjang, negara tidak perlu lagi membeli peralatan dan persenjataan yang besar dan sukar diatur gerak. Dengan kemajuan teknologi, sumber alam semula jadi kita boleh

menjadikan negara ini sebagai pusat industri pertahanan. Pusat industri pertahanan tersebut bukan sahaja berupaya mengeluarkan kapal terbang pengebom atau kapal selam, bahkan peralatan penderia, senjata dan peluru berpandu yang tepat ke Sasaran, peluru dan sistem pemerintahan dan kawalan. Industri yang sedemikian akan lebih mudah diurus daripada membeli peralatan dan persenjataan secara besar-besaran dari negara luar.

* ***Totalitarian States***. Akibat daripada revolusi teknologi ketenteraan masa depan tentera mungkin berada dalam keadaan '*totalitarian states*'. Organisasi ketenteraan akan menghadapi keadaan yang tegar, sistem terpusat, struktur pemerintahan cara hierarki yang memakan masa, cara inovasi teknologi boleh diramal dan keadaan organisasi tidak berupaya menggalakkan pegawai-pegawaiannya mengamalkan sikap serta kualiti yang tinggi. Tentera di dalam golongan '*totalitarian states*' tidak dapat mengamalkan elemen-elemen yang terdapat di dalam revolusi teknologi ketenteraan.

* **Pembaharuan Organisasi**. Kewujudan revolusi teknologi ketenteraan memerlukan perubahan terhadap organisasi. Doktrin dan pemerolehan hendaklah dikawal bersama dalam satu organisasi. Sistem hierarki dikecilkan untuk mempercepatkan inovasi, tanggungjawab dan keputusan. Pasukan-pasukan khusus mesti kecil, mudah diatur gerak, berkebolehan melakukan sebarang misi, cukup terlatih dan bermotivasi serta dapat membuat keputusan sendiri. Mereka menggunakan "*stealth and guide*" untuk mencapai objektif, tidak menggunakan "*bruteforce*". Prinsip-prinsip yang sedemikian akan mendominasi doktrin kita pada masa hadapan.

Berasaskan rumusan-rumusan di atas, kerangka awal perancangan ketenteraan dalam ~~era revolusi teknologi ketenteraan dapat~~ diklasifikasikan mengikut keutamaan semasa dan kemampuan dalam menangani ancaman musuh. Keupayaan dan kebolehan sistem persenjataan dan struktur ketenteraan akan menjadi asas kepada pembentukan kerangka perancangan awal ketenteraan. Keutamaan-keutamaannya adalah seperti berikut:

- * Mengadakan doktrin bersama yang baru untuk:
 - ~ Peperangan Maklumat.
 - ~ "Disengaged Combat".
 - ~ "Civilianisation".
- * Keupayaan dan kebolehan asas:
 - ~ Angkatan tentera yang berkualiti tinggi.
 - ~ Sistem pemerintahan, kawalan dan komunikasi bersama.
 - ~ Institusi, sekolah, pusat doktrin dan organisasi pemerolehan bersama.
 - ~ Kebolehan mendominasi maklumat, sistem pintas, mengumpul dan menyalur.
 - ~ Bertahan dari serangan kimia dan biologi.
 - ~ Mempunyai keupayaan penderian.
 - ~ Strategi tangkas.
- * Sistem Persenjataan:
 - ~ Utamakan senjata jarak jauh.

- ~ Sistem persenjataan yang tepat, cepat dan berkesan.
- ~ Kurangkan persenjataan berat.
- ~ Penggunaan senjata "non-lethal".
- ~ Penggunaan kendaraan tanpa pemandu.
- ~ Kapal terbang pejuang yang canggih.

* Struktur Ketenteraan:

- ~ Ketumbukan pasukan khusus.
- ~ Angkatan darat mekanis.
- ~ Kekuatan formasi-briged.
- ~ Markas pemerintahan bersama masa aman.

PENUTUP

Persengketaan, konflik dan perperangan sentiasa bertukar mengikut peredaran zaman, berasaskan kebolehan serta teknologi terkini sama ada dari segi peralatan, persenjataan, struktur ataupun pemikiran. Adalah sukar untuk mengikuti rentak konflik metafosis. Sama ada perperangan konvensional ataupun perperangan pasukan bersenjata tidak tetap, revolusi teknologi ketenteraan akan tetap mengubah cara-cara perancangan, pemikiran, pemerolehan dan pertempuran. Perubahan dan inovasi yang sedemikian memerlukan kerangka, perkara-perkara prinsip asas bagi membantu dalam membuat keputusan di masa hadapan.

BIBLIOGRAFI

Aziz Ishak, Artikel "Rakyat Tunggak Pertahanan Negara", Mingguan Malaysia, 12 Sep 99.

Michael J. Mazarr, The Revolution of Military Affairs, April 1991.

Prof Dr T. Jacob, Perang dan Senjata Abad XXI, Teknologi Strategi Militer 67.

Laksamana David Jeremiah, Betapa Pesatnya Teknologi Mengubah Perperangan, Teknologi Strategi Militer 72.

Martin Van Crewel, *The Transformation of War*, The Free Press, 1991, New York.


Parkinson Roger, *Clausewitz. A Biography*, Wayland Publication, London, 1970.

Alvin and Heidi, *War and Anti-War*, Survival at the Dawn of the 21th Century, 1993.



Mej Ahmad bin Abdul Rahman adalah bekas Putera, ditauliahkan pada tahun 1976 dalam Kor Artilleri Diraja. Beliau telah menghadiri kursus di dalam dan di luar negara. Sepanjang perkhidmatannya, beliau telah menyandang beberapa jawatan penting di pasukan, pusat latihan dan Markas formasi. Berkelulusan MTAT pada tahun 1995 dan pemegang Diploma Strategic Study (UM) dan Masters in Management (UM). Mej Ahmad kini bertugas sebagai PS 1 Doktrin Artilleri di Markas Latihan Tentera Darat.





FASTEST GROWING TECHNOLOGY

The most frequent and most talked about topic of modern amenities is the application of information technology (IT). It is the latest technological development discovered to have the greatest impact on our life. IT is also the fastest growing technology ever known to mankind. The influence it has on mankind has no equivalence. Our way of life will never be the same again and we are becoming more dependant on this technology. Many governments, Malaysia included, have introduced initiatives and policies to encourage its application and to influence commercial involvement in IT. In fact Malaysia has chosen IT as a vehicle towards achieving the nation's 2020 Vision of being a developed nation.

The impacts of IT on individuals as well as on private and public organizations are so great. It is difficult to imagine the survival of life without IT. Its applications have been entrenched in military forces too. The applications of IT and the use of equipment and systems which are controlled by computers and microchips have been in service with the defence forces since the 60s. It is believed that the rapid growth of IT technology was mainly due to the demand for defence applications. Many IT and computerised defence systems have been installed in military forces of the world and many more will be introduced in the future. These systems keep getting better and better all the time. It is most likely that defence forces of the future will be relying a great deal on IT and computers in defence operations and management. Without proper precautions, failures of IT and computers will render defence forces ineffective.

The factor of IT and computer dependence by the defence forces has given rise to a new dimension in modern warfare - the information warfare (IW). IW has a serious impact on defence. By being superior in IW, a defence force can at will, reduce the effectiveness of its opponents by manipulating the opponent's defence IT system as well as surveillance, air defence and command and control systems. The paper will look at the development, effects and roles of IW and what are some possible measures that can be taken by defence forces as to be prepared for it in the next millennium.

REVOLUTION OF INFORMATION TECHNOLOGY

The development of IT evolves from the development of communications and computer. The birth of this modern communications was the invention of telegraphy by Samuel Morse of USA in 1845. Further improvement on line communications was done by Alexander Graham Bell of USA in 1876 with the introduction of the telephone. However, the invention of radio communications by Guglielmo Marconi of Italy in 1894 widened the coverage and reduced the cost of communications. These three inventions are sometimes termed as the first modern IT revolution.

The second IT revolution, as mentioned in some books, began with the invention of the television in 1920 by P Farnsworth, V Zworykin and A Dumont of USA. With the discovery of the computer in 1939 by John V Attanasoff of USA, the progress in IT development then became more rapid. The applications of IT globally through the use of computers and satellites as known today was first introduced by the military of the USA in 1958, when the first communications satellite was launched into orbit.

The development of computer technology on the other hand, may be traced

from those of the first generation which used vacuum tubes (or valves) first introduced in 1939, to those which used transistors (semiconductors) in the 50s and 60s in the second generation computers. The third to the fifth generation of computers are respectively those of the integrated circuits and printed circuit boards of the 70s, of the multilayered printed circuit boards of the 80s and of the multiple and parallel processing of cray super computers and super personal computers of the 90s.

As discussed, IT revolution was a result of the development in the applications of communications and computers. The characteristics of computers such as high speed and high volume in processing, and compact in storage of information are attractive to wide applications by the military, government, commerce and industry. Information processing and transmission by computers are not expected to have errors and initially believed to be in utmost secrecy, until smart intruders were known to have intercepted information during transmission as well as to have extracted information from storage. The characteristics of computers are favourably applied by the military for the calculations and processing of data in their defence systems such as surveillance, air defence, target acquisition, weapon control and threat assessment. The reliability of computer systems as a management tool is further proven in a networking environment and in a client-server arrangement. Sharing of information through speedy communications in multimedia modes is the latest application of IT. Similar applications are widespread in business world as well within government agencies.

Most military forces have in service command, control, communications and intelligence (C³I) systems as well as other defence management systems, such as for logistics, finance and personnel. Apart from these systems utilising workstations, servers, minis and main frames, nearly every equipment

and system on board every platform of land, sea and air forces are computer or microprocessor controlled. However, such a widespread applications of microprocessors, computers and IT in defence forces may cause the latter to be exposed to threats from IW.

DEVELOPMENT OF INFORMATION WARFARE

* **Setia.** Kesetiaan itu adalah sikap dan rasa perasaan hati dan mental yang utuh lagi teguh yang tidak berbelah bahagi terhadap sesuatu ataupun seseorang. Ia adalah kerelaan hati terhadap pengorbanan dan pengabdian diri yang lahir dan timbul dari kepercayaan, keyakinan, penghormatan dan kesedaran yang tinggi. Kesetiaan itu adalah peri-hal sikap yang bertaut dengan keakuran jiwa yang sesuai dengan penerimaan akal.

* **Hubungan Taat dan Setia.** Justeru, taat setia pula adalah patuh terhadap segala perintah dan ajaran, rela mengabdikan diri dan berkorban untukNya. Kepatuhan dan kerelaan itu begitu padu hubungannya baik secara *zahiriah* atau *batiniah* yang timbul kesan dari sifat penuh kesedaran, berkeyakinan, berkepercayaan dan mempunyai penghormatan yang lahir dari hati nurani yang luhur lagi abadi; sesuai dan akur dengan rasa, perasaan jiwa dan pemikiran akal. Maka binalah dan tingkatkanlah ketaat-setiaan yang tidak berbelah bagi kepada pihak atasan, kepada nusa dan bangsa dalam melaksanakan tugas.

MENTAL DAN PERANANNYA

Pepatah Arab ada menyatakan “*Akal yang sihat datangnya dari badan yang sihat*”. Pepatah ini ada kebenarannya kerana badan yang sihat akan mempengaruhi tindakan dan perbuatan manusia itu sendiri. Fitrah manusia menginginkan kepada kebaikan dan kebahagiaan. Fitrah ini juga tidak terkecuali kepada mental seseorang individu. Mental

Budi pekerti dan disiplin akan menyerlahkan keperibadian serta keperajuritan yang luhur dan abadi. Setiap peringkat perajurit hendaklah berusaha sedaya upaya membina sifat murni ini supaya berperilaku dengan penuh keluhuran, berbudi pekerti dan berdisiplin demi melaksanakan tugas dengan lebih mantap dan bertanggungjawab.

manusia memainkan peranan yang penting untuk membawanya kepada apa yang mereka fahami dan anuti.

Fahaman yang dianuti sama ada yang baik mahupun sebaliknya akan mempengaruhi semua tindakan yang dilakukan oleh manusia termasuklah seorang anggota tentera. Di sinilah pentingnya pembinaan mental yang selari dengan kehendak Islam itu sendiri agar tindakan yang dilakukan oleh manusia mempunyai batasannya dan mengikut suruhan yang diberikan oleh Allah s.w.t.

K e u p a y a a n menguasai mental seseorang itu akan dapat membentuk dan menjadikan seorang manusia patuh terhadap arahan dan taat, walaupun secara membutatuli. Jika kita kaji, komunis di Malaysia telah mengambil pendekatan mental dengan menekankan konsep dan fahaman komunisme di kalangan pengikutnya sehingga mereka sanggup berjuang walaupun perjuangan mereka mengalami kekalahan dan pelbagai rintangan. Ini kerana penerapan ideologi komunis yang telah ditanamkan ke dalam mental anggota mereka memperlihatkan mereka sanggup berbuat apa sahaja demi melihat ideologi komunis berkembang. Konsep yang dilaksanakan oleh mereka ialah menggunakan pendekatan mental melalui ceramah-ceramah, manifesto, percetakan, janji-janji manis dan apa jua cara-cara lain yang dilaksanakan demi kepentingan ideologi mereka.

Apa yang kita lihat, di sinilah peranan mental yang amat berkuasa mengarahkan manusia sama ada ke arah yang baik atau sebaliknya. Maka yang harus difikirkan di sini, apakah pengisian yang perlu untuk mengarahkan mental ke arah yang lebih sihat. Tentera

Darat sudah mempunyai doktrin-doktrinnya yang tersendiri dan berjaya mengadaptasikannya kepada warganya. Adakah sudah mencukupi doktrin yang sedia ada untuk melahirkan masyarakat tentera yang seimbang yang akan mempunyai nilai-nilai sejagat amnya dan nilai Islam khususnya sebagaimana dikehendaki oleh kerajaan Malaysia? Di sinilah peranan anggota tentera, khususnya para penggubal doktrin Angkatan Tentera, merangka dan membuat doktrin-doktrin yang bersetujuan dengan hasrat kerajaan agar nilai-nilai murni dapat diterapkan di kalangan warganya. Antara perkara yang mesti dititikberatkan dalam pembentukan mental ialah pendekatan secara rohaniah. Mental yang sihat akan menerima kerohanian sebagai salah satu sumber untuk memandu kehidupan manusia kerana ia merupakan fitrah semula jadi manusia yang perlu diisi di dalam dirinya. Semua agama mempunyai unsur-unsur kerohanian yang tersendiri dan kesemuanya mengarahkan penganutnya supaya melakukan kebaikan dalam

kehidupan sehari-hari.

Agama Islam yang suci, amat menitik beratkan perkembangan mental manusia bermula dari lahirnya manusia itu sehingga ke saat-saat kematiannya. Perkembangan ini mestilah disertai dengan kepatuhan dan ketundukan yang penuh terhadap Penciptanya tanpa ragu-ragu. Salah satu cara untuk mewujudkan fenomena ini ialah dengan menekankan kerohanian ke dalam mental seorang Muslim agar kehidupan mereka terhindar daripada perbuatan-perbuatan dosa besar dan dosa kecil yang berterusan. Sejarah telah membuktikan bagaimana Rasulullah s.a.w menekankan konsep kerohanian sehingga baginda ada menyatakan di dalam hadisnya kepada anggota tenteranya supaya menjadi **“Pahlawan di siang hari dan rahib di malam hari”**.

Jika kita hayati siri peperangan Rasulullah s.a.w, kemenangan demi kemenangan dapat dicapai kerana kekuatan mental yang dimiliki oleh tentera Islam untuk mati syahid. Ini terhasil daripada penekanan kerohanian dalam jiwa dan mental mereka walaupun mereka tidak mempunyai kelengkapan perang yang canggih jika dibandingkan dengan musuh.

Jika kita hayati siri peperangan Rasulullah s.a.w, kemenangan demi kemenangan dapat dicapai kerana kekuatan mental yang dimiliki oleh tentera Islam untuk mati syahid. Ini terhasil daripada penekanan kerohanian dalam jiwa dan mental mereka walaupun mereka tidak mempunyai kelengkapan perang yang canggih jika dibandingkan dengan musuh. Di sinilah pentingnya kerohanian untuk melahirkan anggota tentera yang luhur dalam melaksanakan tugasnya dan mempunyai mental yang kukuh dengan bermatlamatkan **Jihad** seperti yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w, para sahabat dan era kegemilangan Islam.

MENTAL DAN PENYAKITNYA

Semua manusia mengalami tekanan, terutama tekanan mental yang boleh merosakkan kesimbangan kehidupan sehari-hari yang boleh membawa kemusnahan dalam kehidupan mereka. Tekanan mental ini juga tidak terkecuali di kalangan anggota tentera. Banyak sebab berlakunya tekanan mental dalam kehidupan sama ada tekanan tersebut berbentuk luaran mahupun dalaman. Mental yang sihat akan melahirkan manusia yang waras pemikiran dan tindakannya dan mampu mengurus kehidupannya dengan baik. Manakala mental yang tidak sihat akan menyebabkan tindak tanduknya lebih bersifat emosional dan bukan melalui pemikiran yang waras.

Banyak sebab berlakunya tekanan mental di kalangan manusia khususnya anggota tentera dan antara masalah yang melanda sehingga berlakunya tekanan mental ialah:

- * Tekanan dalaman yang tidak diisi dengan makanan rohani.
- * Persekutaran kerja yang tidak menyeronokkan.

Jiwa yang tenang akan mempengaruhi mental dan hasilnya mental akan mendorong melaksanakan kerja-kerja yang selari dengan kehendak Islam.

- * Suasana rumah tangga yang kucar kacir.
- * Tekanan atau beban kerja dari pegawai atasan.
- * Masalah dan beban daripada anggota bawahan.
- * Karenah anak-anak dan tekanan untuk mencapai kecemerlangan.
- * Tekanan untuk kenaikan pangkat.
- * Bebanan hutang.
- * Masalah-masalah lain yang berlaku dalam kehidupan.

Masalah-masalah seperti ini akan menyebabkan tekanan dalam kehidupan manusia sehingga menyebabkan mentalnya tidak seimbang dan akhirnya akan menyebabkan ketidakseimbangan dalam tindakan yang dilakukan.

KESAN-KESAN TEKANAN MENTAL

Tekanan yang berterusan akan menjadikan individu yang mengalaminya berubah; malah kehidupannya dipenuhi dengan tindakan-tindakan yang berunsur emosi. Apabila tekanan semakin meningkat, simptom-simptom daripadanya akan wujud dengan dimanifestasikan melalui:

- * Mengamuk.
- * Murung.
- * Cepat marah.
- * Sentiasa tertekan.
- * Hilang keyakinan diri.
- * Sentiasa takut.

- * Tanda-tanda penyakit seperti sakit kepala, jantung dan lain-lain.
- * Membunuh diri (tahap yang ekstrim).
- * Melakukan pembunuhan.

Pencegahan perlu dilakukan dari masa ke masa agar gejala tekanan mental ini dapat dikurangkan. Pencegahan ini boleh dilakukan sama ada ia berbentuk penyelesaian luaran atau dalaman. Penyelesaian luaran boleh dilakukan dengan melepaskan tekanan melalui senaman, bersiar-siar, melancang, bersikap optimis, sentiasa bergaul mesra dengan rakan dan memenuhi masa lapang yang ada dengan melakukan aktiviti yang berfaedah. Pada masa yang sama, penyelesaian yang berbentuk dalaman perlu dilakukan. Pelaksanaannya boleh dilakukan dengan melakukan ibadah khusus seharian (khususnya solat), berzikir, Qiamullail, muhasabah (menghisab) diri sendiri, mendengar dan membaca al-Quran, berdoa untuk menyelesaikan masalah dan bergantung sepenuhnya kepada Allah s.w.t. Jika semua ini dilaksanakan, sudah tentu masalah yang melanda akan dapat diselesaikan dengan baik. Kaunseling juga amat perlu untuk memastikan tindakan susulan yang bermanfaat kerana tanpa kaunseling sudah tentu individu yang bermasalah akan menghadapi tekanan yang berterusan.

Jelasnya, gabungan antara kedua-dua unsur (dalaman dan luaran) amat penting untuk memastikan kejayaan menyelesaikan tekanan mental yang dihadapi oleh seseorang individu. Penekanan ke atas satu unsur dengan mengabaikan unsur yang lain akan menghasilkan mental yang tidak seimbang. Unsur kerohanian perlu dititik beratkan seiring dengan penekan unsur fizikal. Dalam Tentera Darat, unsur fizikal bagi pandangan penulis sudah memadai namun unsur kerohanian masih lagi belum mencukupi untuk membentuk seorang anggota tentera yang berkualiti.

Jika dilihat dari aspek luaran, mungkin seorang anggota tentera bekerja dengan baik dan patuh terhadap arahan pegawai atasan tetapi

jika ditinjau dengan lebih mendalam, setakat mana kerja yang dilakukan memuaskan hati dan dilakukan dengan ikhlas tidak dapat dipastikan. Di sinilah pentingnya kerohanian yang mengarahkan anggota tentera melaksanakan kerja dengan ikhlas dan seterusnya dapat mencapai matlamat kerajaan merealisasikan nilai-nilai Islam di kalangan rakyatnya, khususnya anggota tentera.

KEROHANIAN DAN KEPENTINGANNYA

Kerohanian diistilahkan sebagai kekuatan dalaman akan diperolehi oleh setiap manusia yang berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapainya. Kerohanian juga dapat membentuk keperibadian individu yang unggul dan seterusnya dapat menjadikan seorang anggota tentera itu menepati ciri-ciri tentera Islam yang sebenarnya. Kerohanian ini sekali gus akan mempengaruhi mental anggota tentera untuk menjadi tentera yang berdisiplin, amanah, bersih dan ikhlas dalam melaksanakan tugasnya. Ketiadaan kerohanian akan menyebabkan berlakunya perlanggaran disiplin seperti THTC, penyalah gunaan dadah, ponteng kerja, pecah amanah dan kesalahan-kesalahan lain lagi yang boleh menggugat organisasi Angkatan Tentera.

Bayangkan jika sifat amanah tidak wujud, tentunya skandal rasuah akan wujud yang akhirnya akan menyebabkan lesapnya wang berjuta-juta ringgit tanpa ada kawalan. Selain daripada mematuhi undang-undang yang sedia ada sama ada undang-undang Angkatan Tentera, undang-undang sivil mahupun undang-undang syariah, penekanan kepada kerohanian sangat perlu di kalangan anggota tentera supaya mereka terhindar daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang sama ada dari sudut agama Islam mahupun peraturan Angkatan Tentera.

Jiwa yang tenang akan mempengaruhi mental dan hasilnya mental akan mendorong melaksanakan kerja-kerja yang selari dengan kehendak Islam. Sebaliknya jiwa yang kusut

akan mempengaruhi mental dan apabila ini berlaku, sudah tentu setiap tindakan individu itu akan ter dorong ke arah kejahatan. Di sinilah peranan kerohanian yang memandu dan mengawal manusia untuk melaksanakan perbuatan yang baik dan selaras dengan kehendak-kehendak Islam dan undang-undang yang sedia ada. Tanpa kerohanian, jiwa tidak tenteram dan mudah dipengaruhi oleh musuh utama manusia iaitu syaitan.

KONSEP PENDEKATAN ROHANIAH DALAM MENTAL TENTERA DARAT

Mental boleh dibentuk sebagaimana membentuk manusia. Pembentukan ini adalah mengikut acuan yang dikehendaki oleh pemimpin ataupun individu itu sendiri. Jika acuan yang dibentuk itu mengarahkan kepada keburukan atau kejahatan, maka manusia yang terbentuk akan terarah kepada perkara yang sedemikian. Namun jika acuan itu dibentuk dengan sistem yang baik dan seimbang antara keperluan rohani dan fizikal, sudah tentunya akan lahir manusia yang berkualiti dan mampu melaksanakan tugas dengan baik.

Pendekatan rohaniah dalam Tentera Darat khususnya, dalam pembentukan mental boleh dilaksanakan melalui rutin ibadat sehari-hari terutamanya ibadat khusus seperti solat lima waktu. Kefardhuhan solat lima waktu tidak boleh diambil ringan kerana solat merupakan pertemuan antara hamba dan Penciptanya. Pengabaian terhadap aspek ini boleh menyebabkan pengabaian terhadap kerja-kerja yang lain sehingga mudah untuk meninggalkan ibadat-ibadat lain. Angkatan Tentera boleh menyediakan peraturan yang mewajibkan solat semasa bekerja kepada para anggotanya tidak kira di mana mereka berada. Apa yang penting pelaksanaan solat itu dilakukan dengan baik dan tidak meninggalkannya begitu sahaja. Apa yang sering terjadi, meninggalkan solat sudah menjadi perkara biasa kepada Tentera Darat dengan alasan letih kerana latihan, tiada surau dan pelbagai alasan lain sedangkan solat boleh dilakukan di manapun asalkan tempat itu bersih daripada najis.

Pengertian ibadah yang tidak terhad kepada ibadat khusus hendaklah dijelaskan kepada anggota tentera dengan menyatakan kerja juga merupakan satu ibadah yang mendapat pahala di sisi Allah s.w.t. Antara aspek-aspek kerohanian yang boleh ditekankan kepada anggota tentera untuk pembentukan mental yang sihat dan bersih ialah:

- * Menekankan bahawa ketenteraan adalah tugas yang mulia jika dilaksanakan mengikut lunas-lunas Islam yang betul.

- * Mewujudkan suasana ibadat dalam aliran kehidupan anggota tentera, dengan cara:

- ~ Menerapkan kefahaman Islam dengan menyeluruh.

- ~ Menekankan kepada matlamat kehidupan dengan mengadakan sesi-sesi ceramah, kaunseling, majlis ilmu, *tazkirah* (peringatan) yang dilakukan pada bila-bila masa yang sesuai dan tidak hanya terhad dalam majlis-majlis agama sahaja seperti hanya dibuat dalam program-program Tahlil dan Yassin.

- ~ Mewujudkan suasana persekitaran yang seimbang untuk mengelakkan tekanan kepada anggota tentera.

- ~ Membentuk pendidikan yang menyeluruh dengan kefahaman mental mengenai matlamat kehidupan dan diperkuatkan dengan amalan yang betul atau selari dengan Islam.

- ~ Merangka suasana latihan dan kerja yang boleh membina kerohanian dalam mental anggotanya. Antara perkara yang boleh ditekankan ialah:

- Mengucapkan Bismillah untuk memulakan kerja dan latihan.

- Mengelakkan maki hamun yang menyinggung perasaan.

- Menyesuaikan jadual latihan dan tugas dengan waktu solat.
- Menekankan konsep al-falah atau kecemerlangan dalam budaya kerja dengan mengadakan program motivasi.
- Menghindarkan suasana persepsi sian sesama anggota dengan mengadakan program-program kekeluargaan yang mengikut syariat, pertemuan mesra, ziarah menziarahi dan program-program lain.

* Memperluaskan amalan sehari-hari seperti ibadah khusus, ibadah sunat seperti mengadakan program qimulail, zikir dan membaca al-Quran. Program-program seperti ini boleh dilakukan dari masa ke masa. Selain daripada itu, mewujudkan sistem bantuan secara kaunseling dapat memainkan peranan yang penting dalam pembentukan peribadi dan mental individu termasuklah anggota tentera.

* Mengada dan memperbanyak majalah, poster dan bentuk tulisan yang lain boleh juga digunakan untuk menekankan kefahaman rohaniah.

* Melibatkan semua pihak dari peringkat atas hingga ke bawah seperti pegawai memerintah/pemerintah, pegawai dan anggota LLP. Ini sangat penting kerana ia berupaya mewujudkan suasana kerjasama yang ideal dalam pembangunan mental mengikut pendekatan rohaniah.

Dalam mengasuh mental, maka tidak dapat tidak kebersihan hati wajib diutamakan sekiranya sesuatu yang positif yang ingin ditonjolkan, dan anjakan pembinaan mental insan mahu dinukilkkan di persada dunia ketenteraan.

pembinaannya amatlah penting agar sasaran dapat dicapai dengan jayanya dan program yang disusun tidak terbantut. Untuk itu beberapa teknik dicadangkan seperti:

* **Instruktif.** Suatu pendekatan yang berbentuk arahan dan perintah. Teknik ini digunakan dalam rangka pelaksanaan pencapaian pendidikan dan latihan yang bersifat pembentukan dan lanjutan serta ceramah-ceramah kepada peringkat pegawai dan anggota; yang sudah dan sedang dilaksanakan dalam sistem pemerintahan yang sedia ada iaitu melalui:

- ~ PMAT.
- ~ Perintah Am TD.
- ~ Perintah Bahagian Pertama.
- ~ Akta Angkatan Tentera 1972.
- ~ Warta Kerajaan 1976.
- ~ Arahan-arahan semasa yang lain.

* **Edukatif.** Suatu pendekatan mengasuh dan mendidik yang dirangka untuk semua peringkat pegawai dan anggota serta keluarga mereka, dilakukan sama ada secara formal atau tidak formal.

* **Stimulatif.** Teknik dorongan dan rangsangan ini digunakan untuk menimbulkan keghairahan dan kesungguhan terutama dalam menuntut ilmu, melakukan kerja-kerja amal dan untuk melahirkan segala sifat-sifat baik demi kepentingan bersama dan bertanggungjawab yang akhirnya mewujudkan kedamaian, kesejahteraan dan keharmonian hidup sama ada pada diri sendiri, keluarga, pasukan atau organisasi.

* **Persuasif.** Pendekatan mempengaruhi dan meyakinkan ini bermaksud menimbulkan kesedaran kepada semua peringkat pegawai dan anggota agar melibatkan

PENDEKATAN DAN CARA PEMBINAANNYA

Dalam melaksanakan program pembinaan mental, pendekatan atau cara

diri secara aktif dalam setiap usaha dan amalan ke arah kejernihan mental dan rohani terutama dengan mempamerkan teladan dan contoh-contoh yang baik di mana sahaja mereka berada.

CADANGAN

Pembinaan mental mestilah didahului dengan membina unsur dalaman manusia iaitu **hati**. Bila hati iaitu raja bagi segala anggota manusia itu baik, maka sudah tentu anggota lain termasuk mental akan terwujud ketahanan dan keutuhannya. Lalu, apakah jalan yang harus diambil bagi membimbang hati supaya menjadi bersih, jernih dan lembut serta sentiasa mengikuti segala perintah Allah?

Untuk mengarahkan kepada pembinaan mental secara pendekatan rohaniah, perkara pokok dalam menggerakkan sesuatu perlakuan dan tindakan berfikir mestilah ditancapkan di hati sanubari anggota tentera dengan pembikinan yang sejitu mungkin melalui pertalian arus wahyu di dalam batin insan iaitu **hati; raja bagi segala anggota**. Dalam hal ini Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:

*"Bahawasanya di dalam jasad anak Adam ada seketul daging, apabila ia baik nescaya baiklah sekalian badan dan apabila ia rosak nescaya rosaklah sekalian badan; ketahuilah olehmu itulah **hati**".*

Imam Ghazali ada berkata:

"Asal kemuliaan manusia bergantung kepada hati. Ia seperti raja yang diangkat menjadi pemimpin di alam jasad, sedangkan anggota-anggota zahir yang lain adalah seperti tentera yang sentiasa mengikut perintah raja. Maksud anggota zahir atau tentera di sini ialah mata, hidung, telinga, lidah, tangan, perut, alat kelamin dan kaki. Semua anggota ini melakukan perkara yang baik atau buruk hasil perintah atau detikan daripada hati".

Oleh yang demikian dalam mengasuh mental, maka tidak dapat tidak kebersihan hati

wajib diutamakan sekiranya sesuatu yang positif yang ingin ditonjolkan, dan anjakan pembinaan mental insan mahu dinukilkhan di persada dunia ketenteraan. Lantaran itu pendidikan menjernihkan hati perlulah diketengahkan melalui tatacara berikut:

- * Mewajipkan beramal dengan sifat-sifat terpuji, iaitu takutkan Allah, zuhud, sabar, syukur, ikhlas, tawakkal, kasihkan Allah (*mahabbah*), reda dengan Qada' dan Qadar dan ingat kepada mati.
- * Menjauhi sifat tercela, iaitu gemar dan tamakkan makan, banyak bercakap, marah, dengki, kikir, kasihkan kemegahan, kasihkan dunia, hairankan diri sendiri dan riak.

Sebagai rumusan, hati merupakan raja yang menentukan baik dan buruknya seseorang itu yang mencernakan seseorang manusia melaksanakan segala tugas yang diberikan kepadanya. Sila lihat **Rumusan Ringkas di Kembaran A**.

Dengan adanya kedua-dua bentuk pendidikan ini, maka sudah tentu hati manusia yang mati akan dapat dihidupkan kembali. Bila hati sudah hidup dan berfungsi, maka ia boleh menggerakkan sesuatu sikap dan tindakan ke arah ketahanan mental yang utuh dan tidak akan goyah sama sekali.

PENUTUP

Keperluan manusia kepada unsur *rohaniah* adalah sama pentingnya dengan keperluan kepada unsur *jasadiah*. Jasad insan memerlukan pemakanan seimbang supaya ia dapat membesar dan sihat mengikut perencanaan hakikat kewujudannya sebagai unsur lahiriah yang dapat dilihat dengan mata kasar. Rohaniah insan sudah pasti juga memerlukan pemakanan yang sama agar dapat hidup dan bergerak subur mengikut naluri dan fitrah kejadiannya. Pemakanan seimbang yang diperlukan oleh unsur rohani ialah segala bentuk peringatan dan wahyu Allah s.w.t., agar hati yang gersang dan kering kontang menjadi subur sekiranya ia sentiasa disirami dengan salju

hidayah dan pertunjukNya. Untuk membina ketahanan mental setiap individu, khususnya anggota tentera, pendekatan cara menyucikan unsur dalaman atau apa yang disebut sebagai rohaniah adalah perkara penting dan perlu di ambil perhatian khusus. Justeru itu pembetulan dalaman haruslah juga melalui proses

penyerapan unsur rohani dalam bentuk aqidah, syariah dan akhlak. Dasar pembinaan yang sebegini rupa telahpun dinyatakan dan dihuraikan di dalam PMAT 9/91 seperti yang telah diwartakan dalam Dasar Pembinaan Mental Dan Kerohanian Islam ATM.

RUJUKAN

Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka K. Lumpur 1997.

Nasr, S.H An Introduction To Islamic Cosmological Doctrins, Cambridge, Harvard Universiti Press, 1964.

Sheikh, M. Saeed. Studies In Muslim Philosophy Pakistan, Lahore; 1974.

PMAT 9/91 Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam ATM.

Pendidikan Rohani Untuk Pusat-Pusat Latihan ATM – KAGAT K. Lumpur 1995.


Fathi Yakin, Apa Erti Saya Menganut Islam (Terjemahan) Pustaka Salam, K.L 1976.

Staf Personil MABES, Himpunan Pokok-Pokok Materi Pembinaan Mental ABRI, TNI-AD, 1976.




Mej (Ust)Kamarudin bin Hj Mamat, Pegawai Staf 2 Pembinaan Mental/Rohaniah MK Latihan TD, telah ditauliahkan ke dalam Kor Agama Angkatan Tentera pada 1988. Beliau memiliki Sarjana Muda Pengajian Islam (Kepujian) dari UKM. Beliau pernah berkhidmat di pusat latihan, markas formasi dan di bawah Panji-Panji PBB dengan MALBAT III di Somalia.

PEMBINAAN MENTAL



"Barawasanya di dalam jasad anak Adam ada sekutu oaging, apabila janya baik nescaya bakih sekalian badan dan apabila janya rosak nescaya rosaklah sekalian badan, ketahuilah olehmu itulah dia Hati" (al-Hadis)



"Asal kemuliaan manusia bergantung kepada hati, janya seperti raja yang diangkat menjadi pemimpin dalam jasad. Sedangkan anggota-anggota zahir yang lain adalah seperti tentera yang sentiasa mengikut perintah raja. Anggota zahir atau tentera ialah akal, mental, mata, hidung, telinga, lidah, tangan, kaki, perut, alat kelamin. Semua anggota ini melekukan perkara baik dan buruk hasil perintah daripada Hati" (Kata-kata Imam al-Ghazali)

REALITI REJIMEN ARTILERI DI ABAD KE - 21

"The superior weapon of the future is the gun, the superior soldier is the Gunner and the superior army is a force based on mechanically-propelled guns".

J.F.C Fuller, 1926.

Lt Kol Sofian bin Kamaruddin

PENDAHULUAN

uasa tembakan artileri telah dapat dibuktikan keberkesanannya lebih daripada tiga ratus tahun sebelum meletusnya Perang Dunia Pertama (1914- 1918). Pada ketika itu, keupayaan artileri yang mempunyai mobiliti telah dapat dilihat kepentingannya dalam memberikan bantuan tembakan kepada pasukan infantri dan kavalri. Gustavus Adolphus, Raja Sweden (1594-1632) merupakan yang terawal menyediakan batalion meriam yang mempunyai mobiliti kepada pasukan infantri ketika "Perang Tiga Puluh Tahun" di Eropah. Manakala Frederick The Great, Raja Prussia (1713-1786) telah memulakan penggunaan artileri berkuda pada abad ke-18 bagi menentukan kesinambungan bantuan artileri terutamanya kepada pasukan

kavalri yang sentiasa bergerak pantas dalam sesuatu pertempuran; malah pecahan organisasi pasukan kepada bateri dipercayai bermula sejak daripada itu sehingga sekarang. Napoleon Bonaparte, Maharaja Perancis (1769-1821) yang juga merupakan seorang pegawai artileri, berjaya di medan peperangan hasil daripada penggunaan pasukan meriam dalam membantu pasukan infantri dan kavalri. Di dalam peperangan era Napoleon di awal abad ke-19, banyak doktrin berkaitan mobiliti peralatan perang telah dihasilkan, bertujuan untuk menentukan bantuan tembakan sentiasa dapat diadakan untuk formasi-formasi perang.

Keperluan mobiliti pasukan artileri pula terbukti ketara penting dalam Perang Dunia Pertama untuk menentukan keberkesanan kuasa tembakan. Semasa peperangan tersebut, tembakan bantuan rapat daripada pasukan artileri tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana keupayaan mobiliti pasukan artileri agak terhad. Hasil daripada kepincangan tersebut, tumpuan bantuan kuasa tembakan telah dilaksanakan oleh pasukan armor dan tentera udara pihak bersekutu. Pada peringkat

awal Perang Dunia Kedua (1939-1945), kuasa tembakan dari armor dan tentera udara pula didapati tidak mencukupi untuk membantu pasukan darat semasa menjalankan operasi mobil. Keadaan ini menyebabkan kuasa tembakan daripada artileri dianggap penting semula. Sejajar dengan perkembangan artileri yang memerlukan mobiliti, penambahan aset-aset sampingan seperti komunikasi radio dan peralatan ukur telah dapat menyerlahkan lagi keberkesanan tembakan artileri. Kelengkapan ini membolehkan artileri, sebagai aset penting, bergerak pantas ketika memberikan bantuan tembakan dan sekali gus menambah keupayaan kuasa tembakan kepada angkatan darat.

PERKEMBANGAN TEKNOLOGI PERALATAN ARTILERI

Semenjak tahun 1950an, kuasa tembakan dicapai hasil daripada keupayaan mobiliti artileri yang perlu digerakkan sendiri (*Self Propelled Artillery*). Selepas Perang Dunia Kedua, pihak bersekutu mendapati artileri perlu dibekalkan kepada pasukan darat. Dalam Peperangan Korea (1950-1953), tentera Amerika telah mendapati bahawa persenjataan artileri yang digunakan semasa Perang Dunia Kedua amat terhad dari segi mobiliti, tembakan untuk 360 darjah '*trabes*' dan tembakan sudut tinggi terutama di kawasan-kawasan muka bumi bergunung-ganang. Penyelidikan dan pembangunan dari segi teknologi berupaya memperbaiki kelemahan-kelemahan ini. Hasilnya, pihak pembekal telah dapat menyediakan casis dan turet khusus untuk artileri digerakkan sendiri. Maka kenderaan yang direka khusus untuk membawa meriam yang lebih sesuai dikenali sebagai artileri digerakkan sendiri, menjadi sebahagian daripada pembaharuan dalam pembangunan pasukan ini. Semenjak tahun 1960, pembangunan artileri digerakkan sendiri semakin berkesan dan jauh berbeza daripada tahun-tahun sebelumnya. Jentera terbaru ini lebih berkesan dan mampu memberikan bantuan tembakan kepada pasukan tempur yang lebih mobil seperti pasukan armor dan infantri mekanis dalam peperangan

konvensional. Dengan keupayaan artileri digerakkan sendiri yang bila disatukan dengan keupayaan meriam yang ditarik oleh kenderaan membolehkan bantuan tembakan dicapai dengan lebih berkesan. Sehubungan dengan itu dapatlah doktrin tentera darat diubah suai untuk memenuhi keperluan mobiliti dan keupayaan mencapai misi yang ditetapkan.

Perang Arab-Israel dalam tahun 1973 telah mempamerkan corak peperangan berteknologi tinggi. Dalam peperangan tersebut, Pesawat Kawalan Jauh (*Unmanned Aerial Vehicle*) telah membantu pasukan artileri mengesan dan mengebom sasaran dengan lebih berkesan. Ini terutamanya ketika menggunakan peluru meriam yang mempunyai ketepatan mengebom dengan bom berpandu tepat (*precision guided bomb*). Manakala sistem roket pelancar berganda (*multiple launcher rocket system*) pula, didapati amat berkesan untuk memusnahkan kedudukan pertahanan udara dan sasaran yang bersifat statik.

Peluru meriam pula memainkan peranan yang penting dalam membantu keberkesanan tembakan selain daripada pemerolehan sasaran (*target acquisition*) itu sendiri. Peluru meriam yang berteknologi tinggi seperti "*smart bomb*", bom berpandu laser (*laser guided bomb*) dan bom berpandu tepat dari pelbagai kaliber telah dicipta bagi menentukan ketepatan bantuan tembakan daripada pasukan artileri. Seperkara lagi, selain daripada mempunyai peluru-peluru tersebut, pasukan artileri juga perlu dibekalkan dengan pesawat kawalan jauh. Penggunaan pesawat kawalan jauh yang dilengkapkan dengan kamera televisyen dan pelbagai sensor di medan tempur akan lebih bermakna sebagai alternatif kepada pesawat yang dipandu juruterbang. Ini kerana dengan sistem pertahanan udara yang semakin canggih, kedudukan pasukan sendiri akan lebih terdedah terutama apabila pemerhati artileri pihak musuh menggunakan pesawat udara. Ketepatan tembakan meriam mampu mengakibatkan kemusnahan kawasan tumpuan musuh dengan lebih berkesan tanpa menjejaskan pihak awam.

MOBILITI ARTILERI DI MALAYSIA

Sebahagian besar permukaan bumi Malaysia diliputi kawasan berbukit-bukau dan berhutan tebal yang biasanya menjadi kawasan tadahan air. Kawasan tanah rendah pula terdapat tanah pamah dan dataran yang menjadi kawasan petempatan. Di sinilah tertumpunya kegiatan-kegiatan seperti penanaman getah dan kelapa sawit, perlombongan, perindustrian dan lain-lain. Malaysia juga mempunyai banyak sungai yang boleh menjadi halangan kepada pergerakan peralatan dan anggota.

Walau bagaimanapun secara amnya, muka bumi negara ini mempunyai kecerunan dan ketinggian kontur yang dapat memberikan laluan yang baik kepada kenderaan berantai. Keluasan hutan simpanan pula telah berkurangan disebabkan oleh aktiviti-aktiviti pembangunan, pembalakan serta penerokaan hutan untuk digantikan dengan tanaman getah dan kelapa sawit. Ini menyediakan ruangan yang lebih mudah kepada kenderaan beroda dan berantai menguasai kawasan-kawasan tersebut.

Peperangan pada masa hadapan lebih memerlukan keupayaan aset-aset artileri yang bermobiliti tinggi bagi menentukan keberkesanan kuasa tembakan pasukan darat. Kepantasan merupakan salah satu faktor bagi menjayakan sesuatu misi. Pengalaman daripada peperangan yang silam membuktikan mobiliti memainkan peranan yang penting dalam menjayakan sesuatu pertempuran. Ini telah mendorong kepada tercetusnya idea membangunkan teknologi kenderaan yang mempunyai ciri-ciri reka bentuk yang mampu menguasai bentuk muka bumi.

Penubuhan Briged Mekanis oleh Tentera Darat Malaysia merupakan suatu langkah bijak dalam menyaangi arus kemajuan teknologi tentera di Abad ke-21. Kumpulan-kumpulan tempur dan bantuan tempur dalam briged ini mestilah mempunyai daya manuver yang tinggi yang menjadi asas kepada kuasa mobiliti yang berkesan. Sejajar dengan itu, pasukan artileri

memang wajar dilengkapi dengan kenderaan yang mampu mengatasi bentuk muka bumi negara ini. Dalam konteks negara ini pula, kenderaan berantai adalah yang paling sesuai digunakan bagi menentukan keberkesanan kuasa tembakan di medan pertempuran.

Pasukan-pasukan sahabat yang dibantu seperti pasukan mekanis atau armor sebagai kumpulan manuver berupaya bergerak dengan pantas sewaktu beroperasi. Justeru pasukan artileri yang bergerak bersama-sama unit tersebut mestilah mempunyai keupayaan mobiliti yang setanding. Kaedah dan cara yang sesuai untuk dilaksanakan ialah dengan menempatkan Kumpulan Pemerhati Hadapan bersama-sama kumpulan tempur mekanis bagi tujuan pemerolehan sasaran. Detasmen Pertahanan Udara yang menggunakan sistem misil pula boleh juga ditempatkan bersama-sama kumpulan tempur mekanis. Persoalannya dapatkah kumpulan mekanis ini menyediakan ruang tersebut kepada kumpulan artileri sedangkan ruang yang sedia ada terpaksa menampung anggotanya sendiri. Bagi pertahanan udara, tugas ini boleh dilaksanakan dengan cara pasif iaitu tembakan dari atas gandar (*on wheel*) tanpa data-data sasaran pesawat musuh. Namun cara sebegini kurang berkesan kerana maklumat sasaran diperlukan bagi memperolehi ketepatan sewaktu menembak. Namun secara amnya aset artileri pada masa sekarang masih berupaya membantu pasukan-pasukan tempur semasa manuver tetapi mempunyaikekangan dari aspek mobiliti dan keterdedahan.

Sistem artileri yang terdapat dalam perkhidmatan pada masa sekarang terdiri daripada sistem meriam dan sistem misil yang menggunakan kenderaan penarik. Kedua-dua sistem ini menggunakan kenderaan beroda. Reka bentuk seperti ini didapati kurang sesuai untuk beroperasi di kawasan-kawasan tanah yang bentuk muka bumiinya berlembah, berbukit-bukau dan mempunyai kecerunan yang tinggi. Faktor muka bumi ini mempengaruhi daya menuver aset artileri dan keberkesanan kuasa tembakan terutamanya semasa membantu kumpulan tempur mekanis. Semasa

bergerak di kawasan terbuka, terup-terup lebih terdedah dan mudah dikesan oleh artileri pengesan dan pesawat musuh. Apa yang perlu dilakukan sekarang, bagi mengelakkan daripada dikesan, artileri perlu dipecah-pecahkan kepada kumpulan-kumpulan yang kecil semasa bergerak ke sesuatu kawasan terbuka.

Ekoran daripada masalah di atas maka, sistem persenjataan artileri khususnya keupayaan mobiliti, perlu dipertingkatkan dalam memberikan bantuan tembakan yang lebih efektif sejajar dengan perkembangan persenjataan yang berteknologi tinggi. Pembangunan teknologi ketenteraan yang merangkumi aspek-aspek sistem automasi persenjataan, mobiliti, sistem komunikasi, sistem pengurusan maklumat operasi dan teknologi canggih turut melibatkan sama operasi aset-aset artileri. Rejimen Artileri Diraja jika mahu terus mengekalkan keunggulan kuasa tembakan di medan pertempuran, perlu diimbangkan bagi menandingi keupayaan sistem persenjataan musuh sama ada di darat maupun di udara. Rejimen Artileri Diraja juga perlu mengimbangi keupayaan pasukan sahabat yang dibantu, dengan peralatan berteknologi canggih yang berkaitan dengan mobiliti, automasi peralatan dan automasi sistem maklumat artileri.

KELANGSUNGAN HIDUP DALAM PERTEMURAN

Pasukan artileri perlu mempunyai darjah kelangsungan hidup (*survivability*) yang tinggi supaya bantuan tembakan kepada unit-unit yang dibantu sentiasa terjamin. Faktor-faktor berikut perlu dititik beratkan bagi menentukan kelangsungan hidup terutamanya dalam menghadapi medan pertempuran di alaf baru. Mobiliti peralatan adalah faktor utama yang memberi keupayaan kepada pasukan untuk mengelakkan daripada tembakan musuh dan dengan sendirinya berupaya meningkatkan darjah kelangsungan hidup pasukan artileri. Unsur-unsur utama mobiliti ialah keupayaan menggerakkan peralatan; bila dan bagaimana ia digerakkan. Pergerakan yang kerap bukan

sahaja mampu mengurangkan keterdedahan malah boleh menghasilkan kejutan kepada pihak musuh. Ia juga boleh menyukarkan pengesan dan secara tidak langsung dapat mengelak daripada tembakan balas bateri pihak musuh. Kekerapan bergerak yang optimum hanya dapat dicapai sekiranya peralatan artileri mempunyai daya mobiliti yang tinggi. Mobiliti penyerakkan yang agresif hendaklah dilaksanakan secara maksimum mengikut keadaan rupa bumi. Walau bagaimanapun cara perlindungan asas yang diperlukan oleh mana-mana aset ketenteraan ialah dengan kenderaan berperisai. Kesemua faktor perlindungan ini hanya akan dapat dimaksimumkan kelangsungan hidupnya jika peralatan artileri tersebut mempunyai daya gerak yang tinggi. Penyelerakan pasukan dan persenjataan artileri dapat mempertingkatkan pertahanan tapak meriam supaya ia sukar dikesan oleh pihak musuh. Namun demikian kedudukan persenjataan di lokasi yang jauh dan terpencil dengan keanggotaan yang kecil seperti pasukan artileri pengesan dan pertahanan udara, menyukarkan usaha menyediakan pelan pertahanan tempatan. Keadaan ini sering menjadi sasaran sabotaj pihak musuh yang bertujuan memusnahkan peralatan artileri. Penempatan pasukan artileri di sesuatu lokasi tidak dapat dirahsiakan sebaik sahaja tembakan yang pertama dilakukan terutamanya oleh artileri medan. Bagi pasukan artileri yang menggunakan radar pula, kedudukannya mudah dikesan oleh pihak musuh melalui gelombang yang dipancarkan. Oleh itu kerahsiaan penempatan artileri merupakan sesuatu yang sukar diperolehi tanpa mobiliti.

AUTOMASI SISTEM MAKLUMAT ARTILERI

Sistem maklumat artileri bukan sahaja berkaitan dengan penyampaian perintah serta kawal dan lapor, malah meliputi aspek-aspek teknikal persenjataan dan pemprosesan data-data tembakan artileri. Selaras dengan perkembangan teknologi semasa, Rejimen Artileri perlu memodenkan dirinya dalam semua aspek. Ini termasuklah aplikasi teknologi maklumat dalam semua pengurusan dan bidang



Adakah pandangan penulis menjadi realiti di Abad Ke - 21 ini?

penugasan, terutama dari segi perintah dan kawalan operasi. Automasi sistem maklumat bertujuan mengimbangi keupayaan automasi dan tindak balas sistem persenjataan supaya maklumat yang disampaikan kepada semua peringkat dapat diambil tindakan dengan cepat dan tepat. Oleh yang demikian bantuan tembakan artileri dapat diberikan lebih berkesan selaras dengan cogan kata Rejimen Artilleri Diraja iaitu "**Tangkas, Tegas dan Saksama**". Kesukaran mendapat dan menyalurkan maklumat yang terkini dengan cepat dan tepat boleh menjelaskan tugas-tugas perancangan dan proses membuat keputusan oleh semua pihak pemerintahan dan pengurusan. Keadaan ini boleh diatasi jika pasukan artileri dilengkapi dengan peralatan yang mempunyai mobiliti yang tinggi terutama dalam membantu pasukan mekanis. Oleh itu, keunggulan kuasa tembakan dapat diperolehi melalui kepantasan memperoleh data-data dan ketepatan memusnahkan sasaran. Secara amnya, maklumat-maklumat asas yang diperlukan di dalam sesuatu operasi ketenteraan ialah maklumat perisikan terkini dan status semasa sesebuah unit atau sub-unit bagi membolehkan seseorang pemerintah dan staf merancang serta membuat keputusan dalam keadaan-keadaan tertentu. Semua keputusan

yang dibuat itu perlu disampaikan ke peringkat-peringkat pengurusan dan pemerintahan yang telah ditentukan. Aspek-aspek pengurusan sistem maklumat utama yang perlu diautomasi merangkumi aspek-aspek seperti Sistem Perancangan Operasi, Sistem Perintah dan Kawalan Operasi, Sistem Pemprosesan Data Tembakan, Sistem Senggaraan dan Sistem Pengurusan Laporan.

Sistem Perancangan Operasi merangkumi aspek-aspek pemetaan, perisikan, perancangan taktikal dan perancangan teknikal sesuatu operasi. Sistem ini bertujuan membantu staf-staf yang terlibat dalam perancangan operasi supaya boleh membuat keputusan yang tepat dan cepat. **Sistem Perintah dan Kawalan Operasi** merangkumi aspek-aspek pengawasan operasi, pengumpulan maklumat semasa, penempatan dan kedudukan unit-unit, status anggota, status logistik dan peralatan. **Sistem Pemprosesan Data Tembakan** merangkumi segala aspek pemerosesan data tembakan serta perintah tembakan kepada unit-unit tembak. **Sistem Senggaraan** yang diperlukan semasa operasi merangkumi aspek-aspek logistik, baik-pulih dan pentadbiran anggota. Antara keperluan logistik utama yang perlu sentiasa dikenal pasti adalah kedudukan

dan status aset-aset yang digunakan oleh sub-unit yang beroperasi. Semua maklumat ini adalah kritikal dalam menentukan keberkesanan operasi yang dijalankan. **Sistem Pengurusan Laporan** sangat penting kerana keberkesanan perjalanan operasi dari semasa ke semasa bergantung kepada laporan situasi unit-unit yang beroperasi secara berterusan. Semua laporan yang disalurkan perlu diterima dan diambil dengan secepat mungkin, diakui penerimaannya dan diambil tindakan serta merta untuk menjamin operasi berjalan dengan lancar.

KONSEP SISTEM PERINTAH DAN KAWALAN BERKOMPUTER

Sistem perintah dan kawalan berkomputer yang diperlukan adalah berasaskan sistem pangkalan data yang boleh dinilai oleh semua tahap perintah dan kawalan mengikut keperluan yang telah ditetapkan. Oleh itu setiap pusat perintah dan kawalan di semua tahap pemerintahan boleh menyalurkan data dan maklumat yang diperlukan kepada satu pangkalan data. Sistem maklumat berkomputer ini kemudian akan memilih dan menyalurkan maklumat-maklumat tertentu ke pusat-pusat perintah dan kawalan mengikut keperluan masing-masing. Semua penyaluran dan pengemaskinian maklumat yang dilakukan dari pusat-pusat perintah dan kawalan akan dapat dipamerkan secara terus kepada pusat-pusat perintah dan kawalan tersebut supaya diambil tindakan mengikut penugasan masing-masing. Data-data yang telah dimasukkan ke dalam pangkalan data pula boleh digunakan untuk menjanakan pelbagai jenis laporan yang diperlukan dari masa ke masa. Sistem maklumat berkomputer juga adalah satu sistem yang selamat dan terkawal kerana data-data yang disimpan boleh dikawal selia oleh sistem kawalan dan keselamatan komputer.

PENUTUP

Pemodenan pasukan artileri telah mula berkembang selaras dengan pembangunan dalam teknologi persenjataan, peluru serta

keupayaan memperolehi sasaran dan ketepatan mengebom. Keberkesanan kuasa tembakan dari pasukan artileri telah terbukti keunggulannya semenjak Abad ke-16 lagi. Dalam Perang Dunia Kedua pula, keunggulan kuasa tembakan oleh tentera udara didapati terhad dan masih memerlukan bantuan tembakan dari pasukan artileri terutama kepada pasukan-pasukan darat. Keberkesanan bantuan tembakan kepada pasukan mekanis tertakluk kepada kemampuan aset-aset artileri yang digerakkan ke jarak yang berkesan di samping menentukan kelangsungan hidup pasukan artileri itu sendiri. Pasukan artileri yang mempunyai mobiliti yang tinggi dengan keupayaan seperti boleh digerakkan sendiri dengan menggunakan kenderaan berantai adalah lebih sesuai digunakan dalam negara yang mempunyai banyak halangan seperti bukit buku serta iklim yang lembap.

Mobiliti dan penyerakan peralatan Artilleri adalah konsep utama dalam meningkatkan kelangsungan hidup di medan pertempuran. Aset-aset artileri yang mempunyai mobiliti yang tinggi bukan sahaja mampu memberikan kebebasan dan fleksibiliti dalam bantuan tembakan, malah mampu meningkatkan keupayaan aspek-aspek pemerintahan, kawalan dan komunikasi kepada unit-unit artileri. Keberkesanan dan kelincahan atur gerak aset artileri boleh mengelirukan pihak musuh.

Selaras dengan perkembangan di dalam teknologi peralatan dan persenjataan, pasukan artileri kini perlu dibantu oleh satu sistem pengurusan maklumat yang mampu mengimbangi keupayaan automasi peralatan-peralatan dan persenjataan itu sendiri. Oleh itu dalam merancang pembangunan peralatan dan persenjataan artileri, aspek-aspek pembangunan **Sistem Maklumat Artilleri Berkomputer** perlu diberikan perhatian yang serius.

Perkembangan teknologi yang begitu pesat mungkin akan merumitkan lagi perperangan dengan tindak balas yang tidak berkesudahan. Oleh itu dalam senario perubahan teknologi yang pesat, cabaran terhadap kelangsungan hidup dalam pertempuran yang akan datang hanya mungkin boleh diatasi dengan mobiliti dan penyerakan dengan mengambil kira peningkatan perlindungan secara lebih serius.

BIBLIOGRAFI

J.B.A Bailey, Field Artillery and Firepower, Great Britain; Taylor & Francis, 1989.

Boyd L.Dastrup, Field Artillery - History and Sourcebook, USA: Greenwood Press, 1994.

Jen Dato' Che Md Noor bin Mat Arshad, Planning The Malaysian Army For The 21st Century, Sorotan Darat, Jilid 1 Bil 33, Jun 1999.

Chris Cook & John Stevenson, Weapon Of War, London; Artus Publishing, 1980.

Christopher Chant, Artillery, Missiles and Military Transport, London: Tiger Books Int, 1996.

"The future army development plan calls for the acquisition of modern infantry equipment, greater firepower and mobility in the form of mechanised infantry, armour and artillery".

Jen Dato' Che Md Noor bin Mat Arshad



Lt Kol Sofian bin Kamaruddin telah dinauliahkan ke dalam Rejimen Artilleri Diraja pada 13 Oktober 1972 dari Maktab Tentera Diraja. Beliau pernah menghadiri kursus di United Kingdom, U.S.A dan India. Berkelulusan MTAT, Diploma Pengajian Strategik dan Keselamatan di UKM dan telah menghadiri Pengajian Sejarah Ketenteraan di University of Leeds, UK. Telah berkhidmat dengan PBB (MINURSO) di Sahara Barat. Beliau sekarang bertugas sebagai Pegawai Memerintah Rejimen Ke-32 Artilleri Diraja.